AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PELITA BRUNEI

قليتا برونى

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

70 TAHUN 1956-2026

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"DAN ingatlah tatkala Kami wahyukan kepadamu wahai Muhammad, bahawa sesungguhnya Tuhan meliputi akan manusia dengan ilmu-Nya dan kekuasaan-Nya dan tiadalah Kami menjadikan pandangan pada malam Mikraj yang telah Kami perlihatkan kepadamu melainkan sebagai satu ujian bagi manusia dan demikian juga Kami jadikan pokok yang dilaknat di dalam Al-Quran dan Kami beri mereka takut dengan berbagai-bagai amaran, maka semuanya itu tidak menambahkan mereka melainkan dengan kekufuran yang melampau-lampau".
Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Al-Israa', ayat 60.

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.36 | SUBUH 4.46 | SYURUK 6.05 | DUHA 6.28 | ZUHUR 12.05 | ASAR 3.25 | MAGHRIB 6.03 | ISYAK 7.14

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 129 | 28 OKTOBER 2026 / 1448 جمادي الأول 17 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA

BERKENAN HANTAR TITAH PERUTUSAN TAKZIAH

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan takziah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah II Ibn Al Hussein, Raja Jordan dan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan Kerajaan Hasyimiyah Jordan, Tuan Yang Terutama Jaafar Hassan serta kerajaan dan rakyat Kerajaan Hasyimiyah Jordan berikutan dengan insiden tembakan di sebuah gereja di Wilayah Karak, Kerajaan Hasyimiyah Jordan baru-baru ini yang meragut nyawa dan menyebabkan ramai cedera.

Usaha mewujudkan asas ekonomi lebih kukuh, seimbang



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri semasa berucap.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

GADONG, Isnin, 26 Oktober. - Antara tahun 2015 hingga 2025, ekonomi Negara Brunei Darussalam (NBD) berkembang pada kadar purata tahunan kira-kira 0.7 peratus, manakala sektor bukan minyak dan gas mencatatkan pertumbuhan purata tahunan sebanyak 2.7 peratus. Dalam tempoh yang sama, sumbangan sektor tersebut kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) meningkat daripada 46 peratus kepada 54 peratus, manakala bahagiannya daripada jumlah eksport meningkat daripada 7 peratus kepada 60 peratus.

Perkembangan ini mencerminkan kemajuan dalam usaha mempelbagaikan ekonomi negara. Walau bagaimanapun, usaha ini masih belum mencukupi. Masih banyak yang perlu dilakukan. Kita perlu memperkukuh produktiviti, inovasi serta daya saing rakyat dan perniagaan kita.

Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin berucap sedemikian semasa menyampaikan ucaptama pada Persidangan Perniagaan Brunei (Brunei Business Conference) 2026 bertempat di Rizqun International Hotel, hari ini.

Terdahulu, Yang Berhormat berkata, tema persidangan ini, 'Ekonomi Brunei Seterusnya : Pertumbuhan dan Pemacu Baharu Peluang', amat bertepatan pada masanya.

Ketika ekonomi global mengharungi ketidaktentuan geopolitik, perubahan corak perdagangan, kemajuan teknologi yang pesat serta peralihan ke arah kelestarian, NBD perlu meletakkan dirinya pada kedudukan yang membolehkannya menyesuaikan diri, kekal berdaya saing dan merebut peluang-peluang baharu yang muncul. Hasrat ini merupakan teras Wawasan Brunei 2035 dan matlamat kita untuk membina sebuah ekonomi yang dinamik dan mampan.

>> Muka 3

KUPU SB raikan graduan, pelajar cemerlang

Oleh : Marlinawaty Hussin

GADONG, Selasa, 27 Oktober. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) meraikan pencapaian graduan dan pelajar cemerlang menerusi Majlis Aspirasi Kecemerlangan Akademik sempena Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-16 yang berlangsung di sebuah hotel di Gadong.

>> Muka 8

Tenaga kerja perlu terus tingkat kemahiran, penuhi keperluan industri

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 27 Oktober. - Berdasarkan Kajian Tenaga Kerja (KTK) 2025, terdapat seramai 11,600 pencari kerja, dengan kadar pengangguran belia berumur 18 hingga 24 tahun mencecah 18.0 peratus.

Ditambah pula dengan lebih 6,000 graduan baharu daripada institusi pengajian tinggi yang memasuki pasaran kerja pada tahun ini, usaha menyediakan peluang pekerjaan yang bersesuaian serta memastikan padanan yang lebih baik antara pencari kerja dengan keperluan industri menjadi semakin penting.

Perkara berkenaan dinyatakan oleh Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, semasa Sesi Dialog Tenaga Manusia Bersama Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, berlangsung di Ruang Legar, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Menurut Yang berhormat, pasaran tenaga kerja juga semakin berubah dan industri memerlukan pekerja yang mempunyai kemahiran bersesuaian, produktif dan berdaya saing, di samping memiliki pelbagai kemahiran serta mampu menyesuaikan diri dengan keperluan pekerjaan yang sentiasa berubah.

"Dunia pekerjaan kini turut dipengaruhi oleh Kecerdasan Buatan (AI), pendigitalan dan teknologi baharu.

>> Muka 5

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn

Berita Utama



PELANCARAN buku, perkongsian ilmu sempena Hari Kesihatan Mental Sedunia
Muka 7



MEMPERKASA kesalinghubungan bagi merangsang ekonomi seluruh Borneo
Muka 9



BBCSG anjur Hari Memperkasa Pejuang Pesakit Kanser
Muka 18



SYABAS, tahniah graduan Politeknik Brunei
Muka 20

Atlet perlu utamakan kelayakan berdasarkan prestasi bukan bergantung kuota penyertaan

Bismillaahir Rahmaanir Rahim,
Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

ALHAMDULILLAH dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala kita sekali lagi dapat berhimpun pada pagi ini bagi Majlis Penyerahan Bendera kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke 4th Youth Olympic Games, Dakar, Senegal 2026.

Selawat dan Salam, ke atas Rasul junjungan kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam, Kaum Kerabat, Sahabat-Sahabat, serta pengikut-pengikut Baginda, yang taat lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Terlebih dahulu saya sukacita ingin merakamkan, ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, di atas sokongan yang diberikan kepada Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Pada edisi Youth Olympic Games kali ini, Negara Brunei Darussalam akan menghantar kontinjen seramai 8 orang, yang terdiri daripada 1 Chef de Mission, 1 orang pegawai urus setia, dan 3 orang Jurulatih, dan 3 orang atlet dalam 3 acara Sukan, iaitu Sukan Wushu (1 atlet Perempuan - Dayang Lauren Emily Chua), Sukan Olahraga (1 atlet lelaki - Awang Md Nazrul Putera bin Faeiz Firdaous) dan Sukan Renang (1 atlet lelaki - Awang Danniel Chan).

Di sini, Saya sukacita mengucapkan tahniah kepada atlet - atlet yang terpilih untuk mewakili Negara, terutama sekali bagi atlet Sukan Wushu Dayang Lauren Emily Chua, yang telah pun berjaya untuk melayakkan diri bagi acara Taolu, iaitu Taijishan dan Taijiquan dalam Sukan Wushu di 4th Youth Olympic Games Dakar 2026.

Pencapaian atlet Sukan Wushu ini telah menunjukkan kegigihan atlet, jurulatih dan Persatuan Wushu, dalam memajukan Sukan Wushu ke peringkat Sukan Antarabangsa seperti Youth Olympic Games.

Sementara itu, bagi atlet sukan Renang, Awang Danniel Chan dan Atlet sukan Olahraga - Awang Md Nazrul Putera bin Faeiz Firdaous, nama mereka telah pun disenaraikan dalam Universality Quota International Olympic Committee (IOC), melalui World Aquatic bagi Sukan Renang, dan World Athletic bagi Sukan Olahraga, untuk menyertai 4th Youth Olympic Games Dakar 2026. Universality Quota ini adalah diberikan oleh IOC melalui World Aquatic dan World Athletic, kepada Negara Negara keahlian IOC yang tidak mempunyai atlet yang berkelayakan, untuk menyertai 4th Youth Olympic Games Dakar 2026 bagi acara Renang dan Olahraga.

Inilah matlamat IOC, yang menginginkan semua Negara di dunia yang bergabung dengan IOC, untuk sama-sama menyertai Youth Olympic Games, tanpa mengambil kira bangsa, agama, budaya, dan jantina. Di sinilah kita boleh menyaksikan bahawa, sukan itu adalah bersifat universal, yang menyatukan warga dunia dalam bersaing sama rata, bagi acara masing-masing, tanpa batasan.

Sehubungan ini, Saya mengharapkan yang semua atlet-atlet kebangsaan di Negara Brunei Darussalam, sama ada remaja mahupun dewasa, termasuk Jurulatih dan Persatuan-Persatuan Sukan Kebangsaan, untuk sentiasa berusaha dengan lebih gigih, agar atlet-atlet akan dapat melayakkan diri atau qualified. Keutamaan dan tumpuan hendaklah diberikan kepada proses melayakkan diri, atau qualification, dan bukannya hanya sekadar mengharapkan Universality Quota, sama ada di Summer Youth Olympic Games, ataupun Summer Olympic Games.

Seterusnya, Saya juga menyeru kepada atlet-atlet yang akan menyertai 4th Youth Olympic Games Dakar 2026, supaya berjuanglah dengan penuh. kesungguhan dan keazaman, serta semangat kesukanan yang tinggi. Manfaatkanlah peluang dan kepercayaan yang telah diberikan ini, untuk mempamerkan kemampuan serta memberikan saingan yang terbaik, demi mengharumkan nama Negara Brunei Darussalam, di persada antarabangsa.

Ingatlah bahawa penyertaan di 4th Youth Olympic Games Dakar 2026, adalah merupakan satu penghormatan, dan pengalaman yang amat berharga, memandangkan Youth Olympic Games adalah salah satu temasya sukan remaja terbesar di dunia, yang dianjurkan oleh IOC. Oleh itu, bertandinglah dengan penuh keyakinan, dan semangat kesukanan, sambil menjaga nama baik negara pada setiap masa.

Buktikanlah bahawa atlet-atlet remaja Negara Brunei Darussalam, juga mampu bersaing dengan penuh keberanian, ketabahan dan semangat juang yang tinggi. Semoga setiap usaha, pengorbanan dan perjuangan yang diberikan atlet-atlet, akan menjadi kebanggaan kepada negara, serta menjadi inspirasi kepada generasi atlet-atlet muda yang akan datang.

Di kesempatan ini, saya juga ingin mengingatkan kepada semua atlet-atlet dan pegawai-pegawai, yang akan ke 4th Youth Olympic Games Dakar 2026, untuk sentiasa menjaga disiplin, serta mengikut apa jua peraturan dan garis pandu, yang ditetapkan oleh pihak penganjur, serta sentiasa menjauhkan diri daripada bahan terlarang, dengan mematuhi segala akta peraturan yang dikuatkuasakan oleh World Anti-Doping Agency (WADA).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Penyerahan Bendera Kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam Ke 4th Youth Olympic Games 2026 Dakar, Senegal pada Sabtu, 24 Oktober 2026, di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

>> Muka 5

WAKTU SEMBAHYANG

OKTOBER MASIHI	HARI	JAMADILAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
28	RABU	17	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.14
29	KHAMIS	18	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.13
30	JUMAAT	19	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.13
31	SABTU	20	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.02	7.13
1 NOVEMBER	AHAD	21	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.02	7.13
2	ISNIN	22	4.36	4.46	6.06	6.28	12.05	3.25	6.02	7.13
3	SELASA	23	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.25	6.02	7.13

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

	RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan	32 25 °C	33 25 °C	32 25 °C
Pekan Bangar	32 25 °C	33 25 °C	32 25 °C
Pekan Tutong	32 25 °C	33 25 °C	32 25 °C
Kuala Belait	31 25 °C	32 25 °C	32 25 °C
	31 25 °C	32 25 °C	32 25 °C

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 28 OKTOBER 2026

Berwaspada terhadap air kemerah-merahan

HASIL daripada pemantauan dan laporan analisis makmal terkini yang telah dijalankan pada 24 Oktober 2026 oleh Jabatan Perikanan, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI) dengan kerjasama agensi-agensi yang terlibat telah mendapati bahawa organisma penyebab air kemerah-merahan iaitu Pyrodinium Bahamense masih dikesan di perairan pesisir pantai Daerah Belait, Daerah Tutong dan Daerah Brunei dan Muara.

Di samping itu, perkembangan pemantauan terkini turut mendapati peningkatan kandungan sel organisma penyebab air kemerah-merahan terutama di perairan Teluk Brunei termasuk kawasan Tugu, Ujong Sapoh dan Pulau Kaingaran.

Memandangkan kejadian air kemerah-merahan telah melanda kawasan perairan di persisiran pantai dan Teluk Brunei, Jabatan Perikanan sekali lagi mengingatkan orang ramai supaya terus mematuhi nasihat dan arahan keselamatan yang telah dikeluarkan, serta tidak mengambil atau memakan ikan-ikan kecil seperti aur-aur, tamban, basong-basong, pusu dan kuasi serta bubuk dan semua jenis kerang-kerangan dan juga sebarang ikan yang dijumpai mati, terutamanya dari kawasan perairan Negara Brunei Darussalam yang terjejas.

Ikan-ikan berkenaan berisiko dicemari toksin yang dihasilkan oleh organisma penyebab air kemerah-merahan, di mana pendedahan kepada toksin ini boleh menyebabkan keracunan manusia dengan gejala seperti cirit birit, muntah-muntah, kebas dan kelumpuhan otot serta dalam kes yang serius, boleh menyebabkan kematian.

Jabatan Perikanan juga memberikan amaran tegas kepada para nelayan untuk tidak menjalankan operasi penangkapan ikan di kawasan perairan yang terjejas. Para nelayan juga diingatkan untuk tidak menangkap atau menjual ikan-ikan kecil dan semua jenis kerang-kerangan seperti yang dinyatakan.

Penjualan melalui platform atas talian termasuk media sosial adalah juga tidak dibenarkan dan tindakan penguatkuasaan akan diambil ke atas mana-mana pihak yang didapati masih menjual ikan-ikan berkenaan secara dalam talian.

Selain itu, orang ramai juga diingatkan supaya tidak membeli ikan-ikan kecil yang ditegah sama ada yang dijual di pasar, premis perniagaan atau melalui platform dalam talian termasuk media sosial.

Langkah berjaga-jaga ini adalah untuk mengelakkan pendedahan kepada air yang terjejas dan boleh menyebabkan ruam kulit. Memandangkan masih terdapat penjualan ikan-ikan kecil yang ditegah melalui media sosial, kerjasama orang ramai amat diharapkan untuk membantu membendung penjualan hasil perikanan yang berisiko tercemar.

Jabatan Perikanan akan terus bekerjasama dengan agensi-agensi berkepentingan dalam memperkukuh pemantauan terhadap kejadian air kemerah-merahan serta memastikan maklumat rasmi dan perkembangan terkini disampaikan kepada orang ramai secara berterusan. – **Ketua Penyuntingan (Zk)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن قنراغن، جابتن قردان منتري دان دچيتق اوله قرين ت قلس سندیرین برحد، نكارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

USAHA MEWUJUDKAN ASAS EKONOMI LEBIH KUKUH, SEIMBANG

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

>> Muka 1

"Apa yang penting, kepelbagaian ekonomi tidak bermakna kita perlu meninggalkan kekuatan sedia ada. Sebaliknya, ia bermaksud membina berasaskan kekuatan tersebut sambil membangunkan industri dan keupayaan baharu bagi mewujudkan asas ekonomi yang lebih kukuh dan seimbang.

"Kedudukan strategik NBD di Pulau Borneo, persekitaran perniagaan yang stabil, keupayaan perindustrian yang telah sedia ada serta akses kepada pasaran serantau menyediakan asas yang kukuh untuk pelaburan dan kerjasama perniagaan," ujar Yang Berhormat.

Bagi sektor-sektor keutamaan negara, kongsi Yang Berhormat, kita memberi tumpuan yang lebih besar kepada sektor-sektor yang dikenal pasti sebagai pemacu pertumbuhan dan kepelbagaian ekonomi NBD. Antaranya, Industri hiliran minyak dan gas; Pertanian, makanan dan perikanan mampan; Pelancongan; Telekomunikasi; Media digital dan kreatif; Pengangkutan dan Logistik
dan Pembuatan, termasuk pembuatan termaju.

Jelas Yang Berhormat, sektor-sektor ini menawarkan peluang untuk membangunkan industri bernilai tambah tinggi, memperkukuh pengeluaran domestik, mewujudkan peluang pekerjaan berkemahiran serta meningkatkan eksport.

Merentasi semua sektor ini, tambah Yang Berhormat, tumpuan kita mestilah untuk merealisasikan peluang dan pelaburan kepada aktiviti yang berdaya maju dari segi komersial, perusahaan tempatan yang lebih kukuh, peluang pekerjaan yang bermakna serta pertumbuhan ekonomi yang berterusan.

Dalam sektor makanan, terang Yang Berhormat, kita juga sedang menjalankan kajian kebolehlaksanaan bersama mengenai cadangan Zon Makanan Agroteknologi Brunei - Singapura. Apabila dilaksanakan kelak, projek ini berpotensi menarik pelaburan bernilai tambah tinggi dalam sektor agromakanan, mewujudkan peluang kepada perniagaan tempatan serta menyumbang kepada pengukuhan keselamatan makanan negara.



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri semasa sesi bergambar ramai pada persidangan tersebut.

"Selain itu, dalam sektor pertanian, kita perlu melihat lebih jauh daripada sekadar jumlah pengeluaran dan daya saing harga, dengan memberikan penekanan yang lebih besar terhadap keselamatan makanan, kualiti produk, kemampanan dan pembezaan produk.

"Sehubungan dengan ekonomi hijau, NBD sedang menggalakkan pertanian regeneratif sebagai sebahagian daripada usaha kita untuk meningkatkan kualiti produk makanan dan pada masa yang sama memelihara alam sekitar melalui penambahbaikan keadaan tanah serta menggalakkan penggunaan agen kawalan biologi. Pendekatan ini sekali gus mengurangkan kebergantungan terhadap penggunaan bahan kimia dalam pertanian," jelas Yang Berhormat lagi.

Terang Yang Berhormat, usaha-usaha ini melengkapi inisiatif seperti pensijilan Brunei Pesticide Free, yang dapat membuka lebih banyak peluang untuk membezakan produk pertanian Brunei daripada produk lain serta menembusi pasaran eksport bernilai tambah tinggi.

Dalam menghadapi gangguan terhadap rantaian bekalan global, Yang Berhormat menggalakkan para pelabur untuk meneroka peluang di sepanjang keseluruhan rantaian nilai agromakanan, bermula daripada input huluan dan pengeluaran primer hinggalah kepada pemprosesan, pembungkusan, logistik dan akses pasaran.

Tingkatkan kualiti produk makanan, pupuk tanggungjawab pelihara alam sekitar

GADONG, Isnin, 26 Oktober. - Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin berucap selain industri yang sedia ada, kita turut mengiktiraf potensi Ekonomi Hijau dan Ekonomi Biru sebagai bidang baharu yang boleh memacu pertumbuhan ekonomi.

Sasaran untuk mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus tenaga boleh diperbaharui daripada jumlah kapasiti terpasang penjanaan tenaga elektrik menjelang tahun 2035 membuka peluang dalam bidang tenaga solar dan infrastruktur sokongan, ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menambah, pembuatan mampan, pengurusan sisa dan kecekapan penggunaan sumber juga dapat menyokong pengeluaran yang lebih bersih serta mewujudkan aktiviti komersial baharu.

Sementara itu, jelas Yang Berhormat lagi, akuakultur mampan, pemprosesan makanan laut dan perkhidmatan logistik berkaitan berpotensi mengembangkan ekonomi biru kita, di samping memperkukuh keselamatan makanan serta memastikan pengurusan sumber marin yang bertanggungjawab.

"Kita juga perlu memanfaatkan peluang yang ditawarkan oleh BIMP-EAGA dengan memperkukuh hubungan dan jaringan serantau serta membangunkan keupayaan Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam bidang perkhidmatan, logistik dan pengedaran. Usaha - usaha ini dapat membantu kita memanfaatkan kedudukan strategik negara dan meletakkan NBD sebagai hab serantau yang lebih terhubung," ujar Yang Berhormat semasa menyampaikan ucaptama pada Persidangan Perniagaan Brunei (Brunei Business Conference) 2026 bertempat di Rizqun International Hotel, hari ini.

Menurut Yang Berhormat, memandangkan saiz pasaran domestik NBD agak kecil, perniagaan perlu meneroka pasaran di luar negara untuk mencapai pertumbuhan yang mampan. Penglibatan yang lebih meluas dengan ASEAN, BIMP-EAGA dan rakan ekonomi di seluruh Borneo dapat membantu perniagaan NBD memperluas capaian pasaran, membangunkan kerjasama dan mengambil bahagian secara lebih aktif dalam rantaian nilai serantau dan global.

Bagi pelabur serantau dan antarabangsa, tambah Yang Berhormat lagi, NBD menawarkan peluang kerjasama dalam sektor seperti produk halal, farmaseutikal, pelancongan, teknologi, pengeluaran makanan mampan, logistik dan industri baharu yang lain. Memperluas hubungan ini penting untuk membuka peluang kepada fasa pertumbuhan ekonomi negara yang seterusnya.

"Perniagaan tempatan serta Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) juga perlu mempunyai perspektif yang lebih luas. Walaupun pasaran domestik kekal penting, kebergantungan sepenuhnya kepada pasaran tersebut boleh mengehadkan pertumbuhan perniagaan.

"Pengembangan ke pasaran serantau dan antarabangsa dapat membuka peluang baharu, meluaskan capaian pasaran serta menyokong pertumbuhan perniagaan jangka panjang. Pada masa yang sama, perniagaan perlu bersedia untuk mengambil bahagian dalam rantaian bekalan dan merebut peluang perolehan yang terhasil daripada pelaburan besar di NBD," jelas Yang Berhormat.

Untuk bersaing dengan jayanya di pasaran serantau dan antarabangsa, Yang Berhormat menggalakkan perniagaan tempatan meningkatkan produktiviti, memenuhi piawaian industri serta memperkukuh keupayaan sebagai pembekal dan penyedia perkhidmatan. Ini termasuk bersikap terbuka terhadap inovasi dan menggunakan teknologi moden untuk meningkatkan kecekapan, kualiti dan kebolehpercayaan.

Terang Yang Berhormat, seiring dengan pertimbangan terhadap penggunaan teknologi, pusat data dan Kecerdasan Buatan (AI) semakin mendapat perhatian di seluruh dunia, termasuk NBD.



ANTARA yang hadir pada Persidangan Perniagaan Brunei (Brunei Business Conference) 2026 yang diadakan di Rizqun International Hotel, Gadong.

Walaupun perkembangan ini menawarkan pelbagai peluang, tambah Yang Berhormat, ia juga memerlukan pertimbangan yang teliti terhadap keperluan sumber, khususnya penggunaan elektrik dan air. Oleh itu, pendekatan kita tidak seharusnya tertumpu semata-mata pada usaha menarik pelaburan pusat data.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan Inisiatif Inovasi Makanan berasaskan AI oleh Envolve menunjukkan bagaimana AI dan teknologi termaju boleh digunakan untuk meningkatkan produktiviti dalam industri makanan serta menyumbang kepada pengukuhan keselamatan makanan negara.

"Sama pentingnya ialah mempersiapkan rakyat NBD untuk mengisi peluang pekerjaan yang diwujudkan oleh industri baharu. Berdasarkan keperluan tenaga kerja yang dikemukakan oleh para pelabur, projek-projek yang sedang dilaksanakan dijangka menjana lebih daripada 2,900 peluang pekerjaan apabila mula beroperasi.

"Kerjasama erat antara majikan dengan institusi pendidikan dan latihan amat penting bagi memastikan rakyat NBD memperoleh kemahiran teknikal dan operasi yang diperlukan oleh industri. Keperluan ini telah memperkukuh lagi penyelarasan dan kerjasama antara kementerian bagi memastikan pembangunan tenaga kerja lebih sejajar dengan keperluan industri," ujar Yang Berhormat.

Usaha ini akan membantu memastikan rakyat NBD mempunyai kemahiran dan kesediaan untuk merebut peluang pekerjaan serta menyumbang kepada pertumbuhan industri sedia ada dan industri baharu, terang Yang Berhormat.

Kongsi Yang Berhormat, merealisasikan semua peluang ini memerlukan kerjasama erat antara kerajaan dengan pihak industri bagi memastikan persekitaran perniagaan yang kondusif, infrastruktur yang boleh dipercayai, proses kawal selia yang cekap serta laluan yang jelas bagi membolehkan perniagaan tempatan mengambil bahagian.

PELITA BRUNEI

PERANAN SEKTOR SWASTA DALAM MEMPELBAGAIKAN EKONOMI NBD

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

GADONG, Isnin, 26 Oktober. - Persidangan Perniagaan Brunei (Brunei Business Conference) 2026 menghimpunkan lebih 400 wakil kanan daripada pihak kerajaan, sektor industri dan rantau yang lebih luas di Rizqun International Hotel, hari ini, bagi meneliti sektor-sektor dan kerjasama strategik yang akan membentuk hala tuju ekonomi Negara Brunei Darussalam (NBD) pada masa hadapan, melangkaui ekonomi tradisional yang berteraskan tenaga.

Dengan membawakan tema, 'Brunei's Next Economy : Growth and New Engines of Opportunity', persidangan ini membincangkan bagaimana sektor kewangan, industri, transformasi digital, pendidikan, penjagaan kesihatan, pelancongan dan pelaburan serantau dapat menyumbang kepada pembentukan ekonomi yang lebih pelbagai dan berdaya saing.

Persidangan tersebut dianjurkan oleh ASEAN Business Advisory Council (ASEAN-BAC) NBD dan APEC Business Advisory Council (ABAC) NBD di bawah Brunei Economy Programme, dengan kerjasama Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri serta Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu bagi Asia dan Pasifik (UN ESCAP).

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan ucaptama pembukaan ialah Menteri Penyelaras bagi Dasar - Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, juga selaku Pengerusi Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei.

Persidangan berkenaan dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi ASEAN-BAC Brunei Darussalam, Awang Haji Musa bin Haji Adinin, merangkap Pengarah Urusan Adinin Group of Companies dan Pengerusi ABAC NBD, Pengiran Aki Ismasufian bin Pengiran Haji Ibrahim selaku Ketua Pegawai Eksekutif Standard Chartered Bank Brunei.

Dalam ucapan masing-masing, mereka menekankan peranan sektor swasta dalam mempelbagaikan ekonomi NBD serta kepentingan kerjasama erat antara sektor perniagaan dengan kerajaan dalam mengenal pasti sumber pertumbuhan baharu.

Seterusnya, Pengerusi Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz membentangkan tinjauan ekonomi serantau. Beliau membincangkan kesan ketegangan geopolitik, ketidaktentuan harga tenaga, inflasi dan perubahan corak perdagangan terhadap ASEAN, menghuraikan kedudukan strategik Malaysia serta mengenal pasti prospek untuk mempererat kerjasama ekonomi dengan Negara Brunei Darussalam.

Sesi pagi Persidangan Perniagaan Brunei membincangkan potensi Borneo sebagai destinasi pelaburan bersepadu. Pegawai Hal Ehwal Ekonomi di UN ESCAP, Dr. Heather Lynne Taylor-Strauss telah membentangkan inisiatif Invest Borneo yang dibiayai oleh Bank Pembangunan Islam.

Inisiatif ini bertujuan untuk memperkukuh keupayaan agensi promosi pelaburan di NBD, Indonesia dan Malaysia dalam menarik pelaburan langsung asing yang berkualiti tinggi dan mampan.

Pembentangan mengenai keutamaan pelaburan di peringkat nasional dan subnasional telah disampaikan oleh Pengarah Pusat Promosi Pelaburan Indonesia (IIPC) di Republik Singapura, Irma Rachmiyati; Pengarah Pembiayaan di Pihak Berkuasa Ibu Kota Nusantara, Muhammad Naufal Aminuddin; Ketua Pegawai Eksekutif Invest Sabah Berhad, Kevin George Ukang dan Pengurus Pelaburan di Invest Sarawak, Bede Hong, yang menyertai sesi tersebut secara dalam talian.

YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, juga selaku Pengerusi Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei hadir selaku tetamu kehormat majlis.



Satu sesi perbincangan panel bertajuk 'Invest Borneo : Daripada Kerjasama kepada Perkongsian Pelaburan' turut diadakan. Perbincangan tersebut meneliti bagaimana NBD, Kalimantan, Sabah dan Sarawak dapat bekerjasama untuk menarik pelaburan, serta peranan tenaga, infrastruktur dan kesalinghubungan dalam membangunkan koridor pertumbuhan baharu.

Panel tersebut terdiri daripada Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei, Daniel Leong; Naib Presiden Hal Ehwal Antarabangsa di Indonesian Business Council, Thomas Noto Suoneto; Kevin George Ukang; Irma Rachmiyati dan Dr. Heather Lynne Taylor-Strauss.

Sesi perbincangan itu dikendalikan oleh Penasihat Eksekutif The Southeast Asian Futures Initiative Centre (SEAFIC) dan Pengasas aseanx, Jukhee Hong.

Persidangan Perniagaan Brunei adalah termasuk di dalam Program Ekonomi Brunei di mana Program Ekonomi Brunei merupakan siri penglibatan perniagaan tahunan yang dianjurkan oleh ASEAN-BAC NBD dan ABAC NBD, dengan kerjasama Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri.

Program ini berperanan sebagai platform yang menghubungkan komuniti perniagaan, pihak kerajaan dan rakan kongsi antarabangsa dalam membincangkan keutamaan ekonomi NBD, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Perbincangan ketengahkan kepentingan memperkukuh kerjasama pelaburan

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri

GADONG, Isnin, 26 Oktober. - Persidangan Perniagaan Brunei (Brunei Business Conference) 2026 diteruskan lagi pada sesi petang, hari ini, dengan perbincangan mengenai pembangunan sektor penjagaan kesihatan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Persidangan dimulakan dengan penyampaian ucaptama daripada Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar mengenai keutamaan penjagaan kesihatan di NBD.

Yang Berhormat menggariskan keutamaan Kementerian Kesihatan dalam memperkukuh sistem penjagaan kesihatan serta menekankan peranan pelaburan sektor swasta, kesihatan digital dan kerjasama antara sektor awam dan swasta dalam meningkatkan perkhidmatan dan membangunkan sektor penjagaan kesihatan sebagai sektor yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.

Seterusnya, satu sesi perbincangan panel diadakan untuk membincangkan perkembangan industri penjagaan kesihatan swasta dalam memastikan akses kepada perkhidmatan dan kualiti penjagaan terus terpelihara. Perbincangan turut merangkumi sumbangan insurans, Kecerdasan Buatan (AI) dan kesihatan digital.

Panel tersebut terdiri daripada Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Adi Ihram bin Dato Paduka Haji Mahmud; Pengurus Besar AIA Brunei, Cecilia Phan; Pemangku Ketua Pegawai Perubatan Pusat Perubatan Jerudong Park, Pengiran Dr. Hajah Siti Nur' Ashikin binti Pengiran Dato Paduka Haji Tengah dan Ketua Pegawai Eksekutif Tamada Nursing Service Brunei Darussalam, Awang Haji Julaini bin Haji Latip. Sesi tersebut dikendalikan oleh Pengarah Urusan Confer Sdn. Bhd., Allen Lai.

Sesi terakhir memberi tumpuan kepada Tahun Melawat Brunei 2027 yang mana Pemangku Timbalan Pengarah Kemajuan Pelancongan, Dayang Hajah Nur Fariza Munyati binti Haji Abd. Aji telah menyampaikan pembentangan mengenai usaha membangunkan ekonomi berasaskan destinasi pelancongan.

YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa hadir pada sesi petang persidangan berkenaan.



Beliau turut disertai oleh Pengurus Besar Radisson Hotel Brunei, Christina Gutierrez-Dumaraos dan Ketua Pegawai Eksekutif Interim Royal Brunei Airlines, Kolonel Norsuriati binti Haji Sharbini untuk membincangkan persiapan negara menjelang tahun 2027 serta peluang mengembangkan sektor acara perniagaan, pelancongan perubatan dan pelancongan pendidikan. Sesi tersebut dikendalikan oleh Ketua Bahagian Syarikat Pemula dan Perusahaan Baharu di Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei, Reuben Chin.

Persidangan tersebut merumuskan bahawa fasa pertumbuhan seterusnya bagi NBD akan bergantung pada asas kegiatan ekonomi yang lebih luas, yang disokong oleh kerjasama lebih erat antara kerajaan dengan pihak industri.

Perbincangan menekankan kepentingan memperkukuh kerjasama pelaburan di seluruh Pulau Borneo, potensi sektor penjagaan kesihatan swasta sebagai sumber pelaburan dan peluang pekerjaan berkemahiran, serta kepentingan persiapan yang diselaraskan merentasi sektor pelancongan, penerbangan, hospitaliti dan sektor berkaitan bagi memastikan kejayaan Tahun Melawat Brunei 2027.

Para peserta turut mengakui bahawa kerjasama berterusan antara sektor awam dengan sektor swasta amat penting untuk merealisasikan peluang-peluang ini kepada hasil yang nyata demi menyokong Wawasan Brunei 2035.

TENAGA KERJA PERLU TERUS TINGKAT KEMAHIRAN, PENUHI KEPERLUAN INDUSTRI



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa hadir pada Sesi Dialog berkenaan (atas). Sementara gambar bawah, sebahagian yang hadir pada sesi tersebut.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

>> Muka 1

"Pada masa yang sama, pertumbuhan sektor-sektor baharu dan bernilai tinggi, seperti industri hiliran minyak dan gas, agrimakanan dan perikanan, pelancongan, telekomunikasi, media digital dan kreatif, pengangkutan dan logistik, serta 'advanced manufacturing', membuka potensi peluang pekerjaan yang memerlukan kemahiran khusus.

"Perkembangan sektor-sektor ini perlu diiringi dengan persediaan tenaga kerja dalam kalangan anak-anak tempatan. Oleh itu, kelayakan akademik semata-mata tidak lagi mencukupi," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menekankan tenaga kerja kita perlu terus belajar, meningkatkan dan mempelbagaikan kemahiran dengan kerjasama yang lebih erat antara pihak industri dengan institusi pendidikan dan latihan bagi memastikan kemahiran yang dibangunkan memenuhi keperluan industri.

Pihak kerajaan tambah Yang berhormat, telah melaksanakan pelbagai usaha untuk membantu pencari kerja mendapatkan pekerjaan. Namun, peluang yang disediakan perlu disambut dengan kesungguhan dan komitmen.

"Sebagai contoh, dalam Jelajah Kerjaya di keempat-empat daerah baru-baru ini, Pusat Pekerjaan Brunei (PPB) telah memadankan 10,186 orang pencari kerja dengan peluang pekerjaan melalui *push* SMS, tetapi hanya 87 orang yang hadir untuk temu duga untuk mengambil peluang tersebut.

"Kita perlu memahami sebab di sebalik keadaan ini dan tidak membuat andaian tanpa mengetahui situasi sebenar. Sama ada berkaitan dengan kesesuaian pekerjaan, gaji, lokasi, syarat pekerjaan atau faktor-faktor lain, kita mahu mendengarnya dan mencari jalan untuk memperbaiki," jelas Yang Berhormat.

Dari sudut pihak majikan pula tambah Yang berhormat, kita memahami bahawa pengambilan dan pengekalan pekerja bukan perkara yang mudah. Keperluan tenaga kerja berbeza mengikut sektor, jenis perniagaan dan tahap kemahiran yang diperlukan.



Yang Berhormat juga menyatakan bahawa terdapat juga pertimbangan berkaitan kos operasi, produktiviti dan kemampuan syarikat untuk terus berkembang. Pada masa yang sama, pertumbuhan perniagaan dan pelaksanaan projek pelaburan perlu diterjemahkan kepada peluang pekerjaan, termasuk pekerjaan berkemahiran yang dapat dimanfaatkan oleh anak tempatan.

Pada masa ini kata Yang Berhormat, terdapat lebih 80,000 pekerja asing dalam sektor swasta. Keadaan ini menunjukkan perlunya kita meneliti peluang yang boleh diisi oleh anak tempatan secara berperingkat melalui perancangan tenaga kerja yang teratur dan latihan yang bersesuaian. Namun, usaha berkenaan bukan hanya tertumpu kepada penyediaan peluang pekerjaan, tetapi juga kepada usaha mengembangluaskan perniagaan.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan bahawa menurut Banci Majikan 2025, lebih 5,600 pekerja tempatan menerima gaji kurang daripada BND500 sebulan, termasuk 345 orang yang berkelulusan ijazah sarjana muda dan ke atas. Ganjaran yang setimpal dengan kemahiran dan sumbangan pekerja merupakan antara faktor penting dalam membina tenaga kerja tempatan yang berdaya tahan.

Sesi dialog berkenaan bertujuan untuk memahami keadaan sebenar yang dihadapi oleh majikan dan pencari kerja, termasuk isu serta cabaran yang perlu ditangani bersama. Selain itu, sesi berkenaan juga menjadi landasan bagi majikan dan pencari kerja untuk berkongsi pandangan, idea, persoalan dan kebimbangan secara terbuka, di samping meneroka penyelesaian bersama bagi menangani cabaran berkaitan tenaga manusia.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), pegawai-pegawai kanan dari agensi-agensi kerajaan berkaitan, serta 135 peserta yang terdiri daripada Ahli-ahli Dewan Perniagaan, wakil syarikat swasta serta pencari kerja tempatan.

Kajian Tenaga Kerja akan berakhir 1 November

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 Oktober. - Kajian Tenaga Kerja (KTK) 2026 yang dikendalikan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri akan berakhir pada 1 November 2026. KTK 2026 dijalankan di bawah Akta Perangkaan, Penggal 81 dari Undang-undang Negara Brunei Darussalam.

JPES ingin memberikan jaminan kepada semua isi rumah terpilih yang diliputi dalam kajian ini bahawa maklumat yang dikumpulkan akan disimpan sulit dan akan digunakan bagi keperluan perangkaan sahaja. Menurut Seksyen 9 Akta Perangkaan, kegagalan atau keengganan untuk memberikan maklumat yang diperlukan atau memberikan maklumat palsu adalah menjadi satu kesalahan yang membawa hukuman denda sebanyak BND4,000.

Justeru, sokongan dan kerjasama semua keluarga / isi rumah terpilih semasa KTK 2026 adalah sangat diharapkan bagi sama-sama menjayakan kajian ini.

Sebarang pertanyaan mengenai KTK 2026 bolehlah menghubungi menerusi talian +673 7469844 (Isnin hingga Khamis dan Sabtu, pukul 7.45 pagi - 4.30 petang) atau e-mel ke *labourforce.survey@jpes.gov.bn* atau melayari laman sesawang di *www.deps.gov.bn*.



HASRAT NEGARA

>> Muka 2

Kepada semua pegawai dan jurulatih Kontinjen, yang akan ke 4th Youth Olympic Games Dakar 2026, abiskita hendaklah sentiasa memberikan dan memastikan keutamaan dalam aspek Safeguarding Athlete, kerana kebajikan, keselamatan, dan kesejahteraan atlet-atlet, adalah aspek yang amat dititik-beratkan oleh Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan hendaklah diberikan keutamaan di sepanjang Youth Olympic Games, sama seperti yang tercatat dalam Olympic Charter, Peraturan 2.19, di mana adalah menjadi mandat kepada IOC, untuk mengutamakan sukan yang selamat, dan melindungi atlet daripada semua bentuk gangguan dan penderaan.

Berikutnya, walaupun kali ini kontinjen negara hanya tersenarai seorang atlet perempuan, namun penyertaannya adalah sangat penting. Ini menunjukkan bahawa komitmen berterusan negara, dalam menyokong penglibatan wanita bersukan secara inklusif, dan memacu pemerkasaan ataupun *empowering* wanita bagi masa depan.

Seterusnya, saya ingin memaklumkan yang Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC), telah terpilih bagi mengikuti Program Tajaan Pakaian Sukan, daripada Association of National Olympic Committee (ANOC), melalui perjanjian Tajaan ANOC bersama PEAK Company China. Dalam program ini PEAK Company China akan membekalkan BDNOC termasuk Kontinjen Negara, dengan beberapa pakaian Sukan termasuk beg sukan di semua sukan di bawah IOC, bermula dari 4th Youth Olympic Games Dakar 2026, sehingga Summer Olympic Games Brisbane 2032.

Sehubungan dengan ini dimaklumkan juga, bahawa PEAK Company China telah menyediakan 1 reka-bentuk ataupun design pakaian, yang diperuntukkan kepada BDNOC dan Kontinjen bagi 4th Youth Olympic Games Dakar 2026. Manakala pada tajaan yang berikutnya, seperti Summer Olympic Games LA 2028, PEAK Company China akan menyediakan beberapa reka-bentuk ataupun design untuk BDNOC memilihnya.

Dengan ini, di sini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ANOC dan PEAK Company China, di atas tajaan yang telah diberikan kepada BDNOC sehingga Summer Olympic Games Brisbane 2032. Selanjutnya, saya tidak lupa juga mengucapkan terima kasih kepada Persatuan-Persatuan Sukan Kebangsaan, serta ibu bapa yang terlibat, kerana sentiasa memberikan sokongan, dorongan dan komitmen yang berterusan kepada atlet-atlet, yang akan menyertai 4th Youth Olympic Games Dakar, Senegal 2026.

Akhirnya saya berdoa, semoga Kontinjen Negara yang terdiri dari atlet-atlet, jurulatih dan pegawai, akan sentiasa sihat walafiat, dan dalam peliharaan Allah Subhanahu Wata'ala. Amin.

Sekian, Wabillahi Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

PELITA BRUNEI

USAHA TANGANI PENGANGGURAN, PERLUAS PELUANG KERJA ANAK TEMPATAN

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 Oktober. - Usaha menangani pengangguran dan memperluas peluang pekerjaan bagi anak tempatan terus menjadi keutamaan yang memerlukan perhatian serius serta tindakan berterusan dan bersepadu daripada semua pihak termasuk kerajaan, sektor swasta dan orang ramai.

Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman berkata, kadar pengangguran di negara ini adalah pada kadar 4.7 peratus pada tahun 2024 dan 5.0 peratus pada tahun 2025 iaitu kira-kira 11,600 orang pencari pekerjaan, berdasarkan Kajian Tenaga Kerja 2025.

"Manakala kadar pengangguran dalam kalangan belia berumur 18 hingga 24 tahun adalah sebanyak 18.0 peratus," kata Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat berkata demikian semasa menyampaikan ucapan pada Sesi Muzakarah di antara Kementerian Hal Dalam Negeri (KHEDN) dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara bagi Tahun 2026 di Bilik Mesyuarat Munawwarah, KHEDN, di ibu negara.

"Baru-baru ini telah diadakan Jelajah Kerjaya di keempat-empat daerah yang menawarkan 1,448 kekosongan jawatan dan menarik 11,085 orang pengunjung.

"Pihak Pusat Pekerjaan Brunei (PPB) sedang memantau jumlah anak tempatan yang mendapat pekerjaan hasil daripada inisiatif ini.

"Sebanyak 87 sesi atau peluang pemadanan pekerjaan telah dilaksanakan melalui pihak PPB, melibatkan pemakluman melalui push SMS dan e-mel kepada 4,026 pencari kerja atau calon dipadankan," jelas Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat menambah, daripada 124 calon yang telah dijadualkan atau dipanggil untuk menghadiri sesi pemadanan tersebut, hanya 37 orang sahaja yang hadir.

Yang Berhormat berkata, kadar kehadiran berkenaan amat mendukacitakan kerana pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk mengenal pasti peluang, mendapatkan komitmen majikan dan memadankan calon dengan pekerjaan yang bersesuaian.

"Semasa Jelajah Kerjaya 2025, seramai 15,080 pengunjung telah hadir, dengan 1,682 jawatan kosong ditawarkan.

"Walau bagaimanapun, hanya 535 anak tempatan telah dilaporkan berjaya mendapatkan pekerjaan di sektor swasta.

"Pencapaian ini belum dapat dibanggakan kerana hanya 31.8 peratus daripada jumlah jawatan yang ditawarkan berjaya diisikan," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga menekankan mengenai kualiti perkerjaan dengan mengongsikan maklumat daripada Banci Majikan Tahun 2025 yang melaporkan lebih 5,600 pekerja tempatan menerima gaji kurang daripada BND500 sebulan, termasuk 345 graduan yang berkelulusan ijazah sarjana muda dan ke atas.

Menurut Yang Berhormat, ganjaran setimpal dengan kemahiran, tanggungjawab dan sumbangan pekerja penting untuk menarik dan mengekalkan bakat tempatan.

"Kerajaan pula perlu memastikan perlindungan pekerja dan penguatkuasaan yang berkesan termasuk pematuhan upah minimum bagi sektor yang telah dikenal pasti.

"Dalam pasaran pekerjaan yang semakin kompetitif, kelayakan akademik masih penting, begitu juga kemahiran, pengalaman dan sikap.

"Namun, bagi pencari kerja, bagaimana hendak mendapatkan pengalaman jika peluang pertama pun sukar diperoleh?

"Di sinilah majikan perlu memberikan peluang kepada anak tempatan *kitani* untuk menimba pengalaman kerja, pengetahuan dan kemahiran supaya mereka dapat memulakan perjalanan kerjaya," tegas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, cabaran tersebut turut menjadi perhatian negara jiran seperti Republik Singapura yang menekankan kepentingan membuka peluang kepada graduan baharu untuk mendapatkan pengalaman kerja.

Perancangan tenaga manusia yang lebih *targeted* dan berpandangan jauh, kata Yang Berhormat, adalah penting agar latihan yang diberikan dapat meningkatkan peluang mereka mendapat pekerjaan seperti pengisian jawatan-jawatan yang kini dipegang oleh pekerja asing.

"Pada masa ini, terdapat lebih daripada 80,000 pekerja asing yang bekerja di sektor swasta.

"Angka ini menunjukkan ada ruang untuk meneliti peluang pekerjaan yang berpotensi diisi oleh anak tempatan secara berperingkat melalui perancangan penggantian tenaga kerja yang teratur, latihan yang bersesuaian dan kerjasama erat dengan pihak majikan," kata Yang Berhormat.

Dalam menangani cabaran pekerjaan dan pengangguran ini, jelas Yang Berhormat, pihak kerajaan akan dan sentiasa meneruskan usaha dalam menambahbaik dasar, proses dan pelaksanaan usaha-usaha berkaitan dengan pembangunan tenaga manusia.



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa menyampaikan ucapan.

Yang Berhormat turut menggariskan peranan pemimpin akar umbi, di peringkat masyarakat, sebagai penghubung khususnya dalam mengenal pasti pencari kerja di kawasan masing-masing serta menghubungkan mereka kepada PPB dan agensi-agensi berkaitan, sama ada untuk mendapatkan peluang pekerjaan atau menceburi bidang keusahawanan.

Muzakarah KHEDN tumpu pembangunan tenaga kerja, peluang pekerjaan



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bergambar ramai bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada Sesi Muzakarah di antara Kementerian Hal Dalam Negeri (KHEDN) dan Ahli-ahli MMN bagi Tahun 2026 di Bilik Mesyuarat Munawwarah, KHEDN.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 Oktober. - Isu pengangguran, tawaran gaji, kebajikan pekerja dan peluang pekerjaan berkualiti antara perkara yang menjadi tumpuan dalam Sesi Muzakarah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

Sesi muzakarah yang berlangsung di KHEDN tersebut dipengerusikan Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Manakala rombongan Ahli-ahli MMN diketuai oleh Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Sesi Muzakarah dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa yang dipimpin oleh Pegawai Pemantau Zon 2, Masjid Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Muhd. Azrol Alim bin Haji Zaini.

Sesi Muzakarah diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Ini diikuti ucapan balas daripada Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman.

Sesi kali ini dilaksanakan menggunakan pendekatan Coffee Talk bagi merangsang perbincangan yang lebih terbuka dan konstruktif.

Antara perkara utama yang disentuh termasuk usaha menangani isu pengangguran dan pembangunan tenaga kerja secara lebih bersepadu, berasaskan tindakan serta *outcome* yang jelas, khususnya dengan mengambil kira jurang antara jumlah pencari kerja dengan peluang pekerjaan berkualiti yang tersedia, selain penerimaan tawaran pekerjaan yang masih kurang memberangsangkan.

Keadaan ini turut menunjukkan perlunya penelitian terhadap faktor seperti tahap gaji dan kebajikan, kesesuaian pekerjaan, lokasi dan pengangkutan, persekitaran kerja serta kesediaan dan kesiapsiagaan tenaga kerja.

Perbincangan turut menekankan bahawa isu pekerjaan tidak boleh ditangani secara terasing daripada prestasi dan pertumbuhan ekonomi negara.

Justeru itu, usaha mewujudkan pekerjaan berkualiti perlu disokong oleh persekitaran perniagaan dan pelaburan yang lebih kondusif, dasar yang bertindak sebagai pemudah cara, peningkatan Pelaburan Langsung Asing (Foreign Direct Investment) serta pembangunan industri baharu yang mampu menyediakan pekerjaan masa hadapan.

Antara cadangan yang diketengahkan termasuk memperkukuh agenda melalui pelaksanaan *upskilling* dan *reskilling*, penyediaan latihan jangka pendek yang menepati keperluan industri, penelitian terhadap nisbah pengambilan pekerja tempatan dan asing, pengukuhan peranan GLC dalam menyediakan pekerjaan berkualiti, sokongan kepada perniagaan dari rumah serta insentif kepada syarikat yang menggaji pekerja tempatan.

Turut diberi perhatian ialah keperluan memahami secara lebih mendalam sebab pekerja tempatan berhenti kerja, meningkatkan kebolehpasaran golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) dan graduan, memastikan proses pengambilan terus dilaksanakan secara adil dan telus, serta menilai semula dasar atau syarat yang tidak lagi relevan atau terlalu membebankan.

Bagi penerima bantuan yang berkeupayaan bekerja pula, pendekatan yang menggalakkan mereka untuk turut serta dalam pekerjaan atau aktiviti produktif sebagai sebahagian daripada tanggungjawab penerima perlu diselaraskan dengan agensi berkaitan bagi memastikan dasar perlindungan sosial dilaksanakan secara bersepadu.

Sesi muzakarah seumpama ini dihasratkan agar hubungan kerjasama dan persefahaman antara pihak KHEDN dengan Ahli-ahli MMN akan terus diperkukuh, khususnya dalam menangani isu-isu berkaitan tenaga manusia dan sosial serta menyokong pelaksanaan dasar dan inisiatif kerajaan secara berkesan demi kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

Turut hadir dalam sesi muzakarah tersebut ialah Setiausaha-setiausaha Tetap KHEDN, ketua-ketua jabatan, ketua-ketua bahagian dan ketua-ketua unit di bawah KHEDN.

PROJEK TEDUH SEDIA KEHIDUPAN LEBIH SELAMAT, TERJAMIN

Berita dan Foto : Ak. Mohamad Zaki Pg. Haji Kasharan

TUTONG, Selasa, 27 Oktober. - Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (BIBD) meneruskan komitmennya untuk menambah baik kehidupan keluarga yang kurang bernasib baik melalui Projek Teduh, dengan dua lagi keluarga di Kampung Kuala Ungar, Daerah Tutong, mendapat manfaat daripada inisiatif perumahan komuniti pihak bank yang bertujuan untuk menyediakan keadaan hidup yang lebih selamat lagi terjamin.

Penerima yang diraikan pada hari ini, iaitu Awang Bohhari bin Awang Suboh dan Awang Hirulsham bin Mohd. Hanafi, masing-masing merupakan penerima ke-10 dan ke-11 Projek Teduh. Di bawah inisiatif berkenaan, ia menandakan satu lagi peristiwa penting dalam usaha berterusan program tersebut untuk menangani keperluan perumahan dalam kalangan keluarga yang kurang bernasib baik, serta memperkukuh kesejahteraan jangka panjang dan daya tahan sosioekonomi mereka.

Bagi kedua-dua keluarga di Kampung Kuala Ungar berkenaan, inisiatif tersebut merupakan langkah penting ke arah jaminan hidup yang lebih baik dan ketenangan fikiran, di samping menyediakan asas yang lebih kukuh untuk kesejahteraan jangka panjang mereka.

Hadir bagi menyerahkan secara rasmi rumah berkenaan kepada para penerima, Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, selaku Pengerusi BIBD.

Turut hadir sama, Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Awang Haji Ahmad; bersama Ahli-ahli Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Yang Arif Awang Haji Hassan bin Haji Metali; Pemangku Setiausaha MUIB, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin; Pemangku Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Haji Mohammad Yusri bin Haji Wahsalfelah.

Juga hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap, Ahli-ahli Badan Penasihat Syariah BIBD, serta pihak pengurusan kanan dan kakitangan BIBD, di samping wakil-wakil daripada pihak berkepentingan yang berkaitan dan rakan kongsi projek. Kehadiran mereka mencerminkan komitmen kolektif ke arah menyokong kesejahteraan keluarga yang kurang bernasib baik serta memperkukuh daya tahan komuniti.

Dibiayai melalui zakat perniagaan BIBD, Projek Teduh yang dilancarkan pada penghujung 2025 mencerminkan komitmen pihak bank untuk menterjemahkan prinsip-prinsip kewangan Islam kepada impak sosial yang bermakna. Berpandukan Maqasid Syariah, inisiatif berkenaan merangkumi nilai-nilai belas kasihan, tanggungjawab sosial, dan pemeliharaan maruah insan, bagi memastikan manfaat perbankan Islam dapat dinikmati oleh komuniti yang memerlukan sokongan.

Inisiatif berkenaan turut disokong oleh pendekatan kolaboratif yang melibatkan seluruh negara, dengan menggabungkan usaha agensi kerajaan, organisasi korporat, kakitangan BIBD, serta rakan kongsi komuniti.

Melalui perkongsian sumber, kepakaran, dan tanggungjawab bersama, Projek Teduh memperlihatkan bagaimana kerjasama yang bermakna mampu menghasilkan penyelesaian praktikal bagi memenuhi keperluan komuniti, sekali gus membawa perubahan yang berkekalan dalam kehidupan masyarakat.

Sebagai institusi kewangan Islam terkemuka di Negara Brunei Darussalam (NBD), BIBD menyedari bahawa peranannya melangkaui sekadar perbankan. Melalui inisiatif seperti Projek Teduh, pihak bank terus menyumbang ke arah menangani cabaran sosial serta menggalakkan pembangunan komuniti yang inklusif, khususnya dalam kalangan golongan yang memerlukan serta kurang mendapat akses kepada bantuan.

Program berkenaan merupakan sebahagian daripada Rangka Kerja Kelestarian Kumpulan BIBD, khususnya di bawah tonggak Impak Sosial Inklusif, yang tertumpu kepada mewujudkan manfaat yang bermakna dan berkekalan untuk masyarakat.

Selain inisiatif kemasyarakatan sedia ada seperti BIBD ALAF dan BIBD SEED, Projek Teduh mencerminkan pendekatan holistik BIBD terhadap pembangunan komuniti dengan menyokong keperluan asas, memperluas peluang, serta memperkukuh daya tahan keluarga.

Projek Teduh turut menyumbang kepada aspirasi negara menerusi Wawasan Brunei 2035, khususnya dalam meningkatkan kualiti hidup, menggalakkan keterangkuman sosial, serta membina masyarakat yang prihatin dan berdaya tahan.



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa menyerahkan secara rasmi rumah kepada salah seorang penerima.

Dengan menyokong keluarga yang memerlukan perumahan yang sewajarnya, BIBD berhasrat untuk membantu mewujudkan asas yang lebih kukuh bagi kesejahteraan jangka panjang serta penyertaan yang lebih luas dalam pembangunan negara.

Pelaksanaan berterusan Projek Teduh, yang kini telah memanfaatkan penerima ke-11, mengukuhkan lagi komitmen BIBD untuk menghulurkan bantuan yang bermakna kepada komuniti di seluruh NBD, di samping memastikan inisiatif impak sosialnya memberikan manfaat nyata kepada pihak yang paling memerlukannya.

Sebagai Rakan Kemajuan (Partner in Progress), dan berpandukan prinsip Bruneian at Heart, BIBD kekal komited untuk bekerjasama rapat dengan agensi-agensi kerajaan, rakan-rakan strategik, dan masyarakat umum demi mewujudkan penambahbaikan yang bermakna serta mampan dalam kehidupan orang ramai.

Menerusi Projek Teduh, BIBD berharap untuk terus menyediakan lebih daripada sekadar tempat berlindung. Setiap kediaman melambangkan harapan, maruah, dan keselamatan yang baharu, di samping meletakkan asas bagi keluarga yang lebih kukuh, komuniti yang lebih berdaya tahan, serta masa depan yang lebih cerah untuk generasi akan datang.

Pelancaran buku, perkongsian ilmu sempena Hari Kesihatan Mental Sedunia

Oleh : Aimi Sani
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



PEMANGKU Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Buku dan Sesi Perkongsian Ilmu sempena Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2026 di The Rizqun International Hotel, Gadong.

GADONG, Isnin, 26 Oktober. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan dan Penerbitan dengan kerjasama Fakulti Undang-Undang Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah menganjurkan Majlis Pelancaran Buku dan Sesi Perkongsian Ilmu sempena Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2026 bertempat di The Rizqun International Hotel, Gadong, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal. Turut hadir, Rektor UNISSA, Profesor Madya Dr. Awang Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Penolong Rektor (Penyelidikan, Antarabangsa dan Dasar) UNISSA, Profesor Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad. Beliau menekankan bahawa isu kesihatan mental berkait rapat dengan peranan setiap individu dalam masyarakat, sama ada sebagai pendidik, rakan sekerja mahupun ahli keluarga.

Majlis disusuli dengan pelancaran buku bertajuk 'Legal and Policy Approaches for Mental Health Issues in Brunei Darussalam' yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis. Buku tersebut merupakan hasil penyelidikan geran di bawah University Research Leave and Grants UNISSA yang diketuai oleh Profesor Dr. Nehaluddin Ahmad selaku Penyelidik Utama dan Pengarang Utama.

Buku ini meneliti isu kesihatan mental melangkaui rawatan klinikal semata-mata, dengan menggabungkan Analisis Doktrin & Perundangan, Perbandingan Global & Serantau, Perspektif Islam dan Kajian Empirikal Tempatan.

Majlis disusuli dengan sesi perkongsian ilmu dan sesi soal jawab oleh Profesor Dr. Nehaluddin Ahmad yang membincangkan penemuan kajian serta hala tuju pembaharuan berteraskan hak asasi manusia dan maruah insan.

Juga hadir pada majlis tersebut, Timbalan - timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan berserta wakil dari Jabatan Perundangan Islam, Pejabat Peguam Negara, Jabatan Pendakwaan Syarie, Jabatan Siasatan Jenayah (Pasukan Polis Diraja Brunei) dan Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan selaku pihak berkepentingan yang terlibat dalam penghasilan buku tersebut.

Kursus Al-Quran Isyarat perkasa kemahiran tenaga pengajar

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 Oktober. - Al-Quran merupakan panduan utama umat Islam yang perlu dipelajari, difahami dan diamalkan oleh semua lapisan masyarakat, termasuk golongan Orang Kelainan Upaya (OKU), khususnya individu bermasalah pendengaran.

Sehubungan itu, pendekatan pengajaran yang inklusif dan bersesuaian amat penting bagi memastikan golongan ini turut mendapat akses kepada pendidikan Al-Quran.

Bagi tujuan tersebut, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS akan menganjurkan Kursus Kompetensi Pengajaran Quran Isyarat Tahap 1 bagi Tenaga Pengajar selama tiga hari, iaitu pada Selasa, Rabu dan Khamis, 16, 17 dan 18 Jamadilawal 1448 bersamaan 27, 28 dan 29 Oktober 2026, bertempat di Room 5, Multipurpose Room, Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan.

Kursus ini dibahagikan kepada dua sesi, iaitu sesi pagi dari pukul 8.00 pagi hingga 12.30 tengah hari dan sesi petang dari pukul 1.45 hingga 4.30 petang.

Kursus ini bertujuan memberikan pendedahan asas mengenai konsep dan kaedah pengajaran Al-Quran Isyarat, meningkatkan kemahiran komunikasi dengan individu bermasalah pendengaran serta melatih tenaga pengajar untuk menyampaikan ilmu Al-Quran secara inklusif, praktikal dan berkesan.

Selain itu, kursus ini turut memperkukuh kemahiran peserta dalam penggunaan bahasa isyarat berkaitan bacaan dan kefahaman Al-Quran.

Melalui penganjuran kursus ini, para peserta diharap akan lebih berpengetahuan dan berkeyakinan dalam mengendalikan kelas Al-Quran bagi golongan bermasalah pendengaran.

Usaha ini juga diharap dapat memperkukuh komunikasi inklusif serta meningkatkan akses golongan OKU pendengaran kepada pendidikan Al-Quran.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Pegawai Ugama, Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, Dayang Hajah Noraidah binti Haji Rabaha, melalui talian +673 8212092.

KUPU SB RAIKAN GRADUAN, PELAJAR CEMERLANG







YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama ketika menyempurnakan penyampaian anugerah kepada penerima (kiri). Manakala gambar kanan dan bawah kanan, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohammad Hasif Matzin



PENOLONG Ra'es II (Hal Ehwal Akademik) KUPU SB selaku Pengerusi Bersama Majlis, Dr. Norasimah binti Haji Omar semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya.

>> Muka 1

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian anugerah serta hadiah akademik ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Majlis turut menyaksikan penyampaian sijil kepada penaja dan penyumbang serta penerimaan sumbangan Waqaf Tarbiyah daripada graduan Konvokesyen Ke-16 KUPU SB.

Sumbangan berkenaan melambangkan penghargaan para graduan terhadap KUPU SB, khususnya staf akademik, atas khidmat dan bimbingan yang diberikan sepanjang tempoh pengajian mereka.

Terdahulu, Penolong Ra'es II (Hal Ehwal Akademik) KUPU SB selaku Pengerusi Bersama Majlis, Dr. Norasimah binti Haji Omar, dalam ucapan alu-aluannya berkata, majlis berkenaan bertujuan meraikan pencapaian graduan dan pelajar cemerlang, selain menjadi sumber inspirasi kepada warga KUPU SB untuk terus memperkukuh iltizam dalam menjulang kecemerlangan institusi.

Turut hadir ialah Ahli-ahli Majlis KUPU SB, jemputan khas, pegawai eksekutif, pegawai utama, pensyarah serta pegawai dan kakitangan KUPU SB, selain penerima anugerah dan hadiah akademik yang diraikan.

Anugerah PB iktiraf pencapaian cemerlang graduan, warga, rakan industri

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas, Ihsan Politeknik Brunei





YANG Mulia Pemangku Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian anugerah kepada para penerima (atas dan atas kiri).

BERAKAS, Selasa, 27 Oktober. – Seramai 31 graduan Politeknik Brunei (PB) Tahun 2026 menerima pengiktirafan atas pencapaian cemerlang mereka pada Majlis Anugerah Cemerlang 2026 yang berlangsung di Cesar Grand Hall, Mulia Hotel, di sini, sempena Majlis Konvokesyen PB Ke-12 Tahun 2026.

Majlis turut menyaksikan penyampaian Anugerah Duta Besar Republik Rakyat China kepada 13 pelajar PB, selain pengiktirafan kepada sembilan kakitangan PB dan 10 rakan industri atas sumbangan serta kecemerlangan masing-masing.

Para penerima anugerah terdiri daripada graduan dan pelajar daripada pelbagai program di bawah lima sekolah di PB, iaitu Sekolah Perdagangan, Sekolah Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Sekolah Sains dan Kejuruteraan, Sekolah Sains Kesihatan, dan Sekolah Petrokimia.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian anugerah berkenaan, Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal, selaku Pengerusi Lembaga Gabenor PB.

Turut hadir, Minister Counsellor and Deputy Chief of Mission, Kedutaan Besar Republik Rakyat China di Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Chen Chuan, yang mewakili Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke NBD, Tuan Yang Terutama Chen Shaochun.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Imam Masjid Universiti Brunei Darussalam, Pengiran Muhd. Nasiruddin bin Pengiran Haji Abu Bakar.

Pemangku Pengarah PB, Awang Lim Kian Boon dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan bahawa anugerah berkenaan merupakan pengiktirafan terhadap pencapaian cemerlang graduan, warga PB dan rakan industri, sekali gus mencerminkan dedikasi, ketekunan, kecemerlangan dan kepimpinan mereka.

Beliau turut menekankan pengenalan Anugerah Penghargaan Industri pada tahun ini sebagai mengiktiraf sumbangan rakan industri yang terus menyediakan peluang pembelajaran berasaskan pengalaman kepada para pelajar.

Menurutnya lagi, kerjasama berkenaan merangkumi peluang menjalani pembelajaran berasaskan industri, latihan amali dan penempatan klinikal, selain bimbingan melalui program mentor, semakan kurikulum serta peluang pekerjaan kepada graduan.

"Kerjasama ini juga diperluaskan ke peringkat antarabangsa menerusi Program PB Intern.X, yang memberikan peluang kepada para pelajar untuk memperoleh pengalaman dalam industri luar negara, meluaskan perspektif, membina rangkaian profesional dan merealisasikan aspirasi kerjaya masing-masing.

"Majlis ini turut menegaskan semula komitmen PB untuk terus mengekalkan standard pendidikan dan latihan yang tinggi bagi menyokong pencapaian Wawasan Brunei 2035, khususnya dalam melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran dan berjaya, dan seterusnya menyumbang kepada tenaga kerja negara, selaras dengan keperluan negara serta nilai-nilai Melayu Islam Beraja (MIB)," ujarnya lagi.

Acara kemuncak ialah penyampaian anugerah kepada 31 graduan di bawah empat kategori, iaitu Anugerah Pelajar Terbaik, Anugerah Kecemerlangan Akademik, Anugerah Kecemerlangan Aktiviti Pengayaan, dan Anugerah Inovasi.

Anugerah Pelajar Terbaik telah diberikan kepada Dayang Nurfatin Syahirah Syakirah binti Ahmad, yang telah menamatkan pengajian dengan Diploma Tahap 5 dalam Sains Kesihatan (Kejururawatan) dari Sekolah Sains Kesihatan. Dayang Nurfatin Syahirah Syakirah juga merupakan salah seorang daripada 24 penerima Anugerah Kecemerlangan Akademik.

Sementara itu, Anugerah Duta Besar Republik Rakyat China yang ditaja oleh Kedutaan Besar Republik Rakyat China di NBD, turut disampaikan kepada 13 penerima daripada 13 program yang berbeza, dan disempurnakan oleh Minister Counsellor and Deputy Chief of Mission, Kedutaan Besar Republik Rakyat China di NBD.

Majlis Anugerah Cemerlang pada tahun ini turut merangkumi dua kategori tambahan, iaitu Anugerah Kecemerlangan Kakitangan PB 2026 dan Anugerah Penghargaan Industri 2026.

Sembilan kakitangan PB menerima Anugerah Kecemerlangan Kakitangan, sementara 10 rakan industri menerima Anugerah Penghargaan Industri yang disampaikan oleh tetamu kehormat.

Sebagai tanda penghargaan atas sokongan terhadap penganjuran majlis, seramai 21 penaja turut menerima cenderamata penghargaan.

Majlis berkenaan turut dihadiri oleh Ahli Lembaga Gabenor PB, wakil Kementerian Pendidikan, wakil Kedutaan Besar Republik Rakyat China di NBD, juri Anugerah Inovasi serta para penaja Majlis Anugerah Kecemerlangan.

Turut hadir, Pemangku Penolong Pengarah (Korporat, Perancangan dan Pembangunan) PB, Dayang Hajah Rosmiati binti Haji Abdul Majid; Pemangku Penolong Pengarah (Akademik), Pemangku Pengetua PB, serta beberapa Ketua Bahagian dan Sekolah, pegawai, dan ibu bapa, penjaga serta ahli keluarga penerima anugerah yang turut berbangga dengan pencapaian mereka.

MEMPERKASA KESALINGHUBUNGAN BAGI MERANGSANG EKONOMI SELURUH BORNEO

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd Sahrizal Haji Said

GADONG, Selasa, 27 Oktober. – Meja Bulat Perniagaan Borneo 2026 merupakan platform penting untuk meneruskan perbincangan yang telah diadakan sebelum ini, dengan memberikan tumpuan kepada salah satu pemacu utama bagi merealisasikan wawasan berkenaan, iaitu pelaburan.

Lebih penting lagi, platform tersebut membuka peluang kepada kerajaan, sektor perniagaan dan para pelabur untuk beralih daripada perbincangan kepada kerjasama praktikal, termasuk mengenal pasti peluang yang mampu menjana pertumbuhan, mewujudkan peluang pekerjaan dan memberikan manfaat jangka panjang kepada seluruh Borneo.

Perkara itu digariskan oleh Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab, merangkap Timbalan Pengerusi Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei menerusi ucaptamanya pada pembukaan Meja Bulat Perniagaan Borneo 2026 yang diadakan di Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

Dalam pada itu, Yang Mulia Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri turut merakamkan penghargaan kepada Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN Brunei Darussalam (ASEAN-BAC) dan Majlis Penasihat Perniagaan APEC Brunei Darussalam (ABAC) atas usaha berterusan dalam menggalakkan perkongsian awam-swasta serta memajukan kerjasama ekonomi serantau.

Penglibatan seumpama itu semakin penting bagi memastikan dasar yang digubal sentiasa mengambil kira realiti perniagaan, manakala strategi pelaburan dapat diterjemahkan kepada hasil yang nyata.

Bagi merealisasikan agenda pelaburan bersama untuk Borneo katanya, kerjasama yang lebih erat dalam kalangan agensi promosi pelaburan (IPA) amat penting dalam memperkukuh keupayaan institusi, berkongsi amalan terbaik, meningkatkan kemudahan kepada para pelabur serta membangunkan senarai projek yang berdaya maju dari segi pembiayaan dan bersedia untuk pelaburan.

Melalui kerjasama sedemikian, beliau percaya Borneo secara keseluruhannya akan dapat mengetengahkan tawaran pelaburan yang lebih kukuh dan terselaras.

Bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) tambahnya, pelaburan merupakan pemacu utama kepelbagaian ekonomi dan pertumbuhan mampan, di mana usaha berkenaan berpandukan Wawasan Brunei 2035 yang menghasratkan sebuah ekonomi yang dinamik dan mampan, disokong oleh rakyat yang berkemahiran tinggi serta kualiti kehidupan yang tinggi.

"Sehubungan itu, pembangunan ekonomi yang berdaya saing dan berdaya tahan merupakan teras penting bagi merealisasikan wawasan berkenaan melalui penglibatan sektor swasta yang lebih kukuh, inovasi, pembangunan modal insan serta usaha menarik pelaburan berkualiti tinggi yang mampu menjana nilai jangka panjang," tekannya.

Sebagai sebuah ekonomi kecil tambahnya lagi, NBD menyedari bahawa kepelbagaian ekonomi tidak dapat dilaksanakan secara bersendirian. Keupayaan negara untuk membangunkan industri baharu, menembusi pasaran yang lebih luas dan menarik pelaburan perlu berkait rapat dengan kesalinghubungan serta kerjasama serantau.

Oleh itu, NBD giat mengusahakan pelaburan dalam sektor-sektor yang menyokong transformasi ekonomi dan saling melengkapi peluang serantau yang lebih luas.

Antara sektor berkenaan ialah industri agromakanan. Yang Mulia Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri mengongsikan, melalui inisiatif seperti Inisiatif Pemacu Eksport (Export Drive Initiative) serta usaha memperkukuh pematuhan terhadap piawaian yang diiktiraf, termasuk Amalan Pertanian Baik Brunei (Brunei Good Agricultural Practice – BGAP) dan Amalan Pengilangan Baik (Good Manufacturing Practices – GMP), negara menyokong perkembangan perusahaan agromakanan berorientasikan eksport yang berupaya memenuhi keperluan pasaran serantau dan antarabangsa.

Peluang pelaburan dalam sektor agromakanan merangkumi keseluruhan rantaian nilai, termasuk pengeluaran makanan, pemprosesan, logistik, pembangunan rantaian sejuk serta penggunaan teknologi.

Satu lagi bidang keutamaan katanya ialah pembangunan maritim dan logistik. Pelaburan dalam Projek Pembesaran dan Pengubahsuaian Pelabuhan Muara, termasuk pembangunan Zon Perdagangan Pelabuhan, bertujuan memperkukuh kedudukan NBD sebagai hab perdagangan dan logistik serantau.

Inisiatif-inisiatif berkenaan terangnya bukan sahaja penting bagi usaha kepelbagaian ekonomi NBD, malah turut membuka peluang untuk memperkukuh rantaian bekalan serantau, meningkatkan kesalinghubungan serta memudahkan pergerakan barangan, perkhidmatan dan pelaburan yang lebih meluas di seluruh Borneo.

Walau bagaimanapun jelasnya, di samping usaha di peringkat negara yang tetap penting, daya saing Borneo dalam jangka panjang akan semakin ditentukan oleh keberkesanan kerjasama merentas sempadan.

Dalam ekonomi global yang semakin saling berhubung, potensi sepenuhnya tidak akan dapat direalisasikan sekiranya setiap pihak bergerak secara bersendirian.

Dalam hal ini tambahnya, kerangka serantau seperti Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei Darussalam-Indonesia - Malaysia - Filipina (BIMP-EAGA), ASEAN dan APEC memainkan peranan penting dalam memacu kemajuan bersama.

Visi BIMP-EAGA 2035 yang baru diterima pakai menggariskan hala tuju yang bercita-cita tinggi ke arah pembangunan sub-rantau yang lebih bersepadu, berdaya tahan dan inklusif.



YANG Mulia Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri semasa hadir pada majlis tersebut.

Jelas Yang Mulia Datin Seri Paduka Dayang Hajah Tutiaty lagi, penekanannya terhadap kesalinghubungan, pertumbuhan hijau, transformasi digital, inovasi dan pembangunan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) bukan sahaja sejajar dengan aspirasi Borneo, malah turut menyediakan kerangka bagi membuka potensi ekonomi pulau ini secara menyeluruh.

Bagi para pelabur, perkembangan tersebut menawarkan peluang yang besar. Dengan pembangunan koridor ekonomi dan peningkatan kesalinghubungan merentas sempadan, Borneo berpotensi memperkukuh kedudukannya sebagai sebuah pasaran bersepadu dan bukannya ekonomi yang berasingan.

Langkah ini akan meningkatkan daya tarikan Borneo sebagai destinasi pelaburan berkualiti, memperkukuh rantaian nilai serantau serta mewujudkan peluang ekonomi baharu di seluruh sub-rantau.

Dalam konteks ini, pembangunan ibu negara baharu Republik Indonesia, Nusantara, di Kalimantan Timur yang dirancang sebagai sebuah bandar hijau dan mampan, berpotensi menjadi pemangkin utama kepada kegiatan ekonomi.

Pembangunan tersebut boleh merangsang pertumbuhan ekonomi di seluruh Borneo, sekali gus mewujudkan permintaan terhadap infrastruktur, logistik, pelancongan, perkhidmatan profesional, tenaga boleh diperbaharui dan industri sokongan yang lain, seterusnya membuka peluang yang lebih luas kepada perusahaan di seluruh Borneo.

Bagi memaksimumkan peluang berkenaan terangnya lagi, kerjasama ekonomi yang lebih erat di seluruh Borneo amat diperlukan.

Hubungan perdagangan dan pelaburan yang lebih kukuh, kesalinghubungan yang dipertingkat serta pertukaran rakyat yang lebih meluas dapat membantu perusahaan mengambil bahagian dengan lebih berkesan dalam rantaian nilai.

"Usaha tersebut akan memperkukuh kedudukan Borneo sebagai rantau ekonomi yang lebih bersepadu, berdaya saing dan bersedia menerima pelaburan," ujarnya.

Memacu pertumbuhan ekonomi melalui inovasi, kemampanan

Oleh : Khartini Hamir

GADONG, Selasa, 27 Oktober. – Visi Komuniti ASEAN 2045 menyediakan hala tuju serantau ke arah ASEAN yang lebih berdaya tahan, inovatif dan berteraskan rakyat, sekali gus membuka peluang kepada Borneo untuk memanfaatkan kemajuan teknologi, industri mampan dan perkembangan rantaian bekalan serantau.

Sementara itu, Visi Putrajaya APEC 2040 turut menekankan kepentingan keterbukaan, inovasi dan kemampanan dalam memacu pertumbuhan ekonomi jangka panjang.

Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab, merangkap Timbalan Pengerusi Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) mengetengahkan perkara itu dalam ucaptamanya di pembukaan Meja Bulat Perniagaan Borneo 2026 yang diadakan di Hotel Antarabangsa Rizqun.

Bagi Borneo katanya, perkara ini menggariskan keperluan untuk memperkukuh persekitaran perniagaan, mempercepat pendigitalan, menggalakkan inovasi dan meningkatkan daya saing dalam rantau Asia-Pasifik yang lebih luas.

Terangnya, secara keseluruhannya, kerangka serantau tersebut menyediakan asas yang kukuh bagi kerjasama ekonomi, di samping membolehkan Borneo memanfaatkan kedudukan strategik dan sumber yang pelbagai untuk muncul sebagai rantau ekonomi yang lebih terhubung, berdaya saing dan bersedia menerima pelaburan.

"Bagi membangunkan agenda pelaburan bersama, tumpuan perlu diberikan kepada bidang yang mampu menghasilkan kerjasama dengan manfaat yang bermakna dan mampan," ujarnya.

Pertama, agromakanan dan keterjaminan makanan. Kerjasama sedia ada antara Negara Brunei Darussalam (NBD), Sabah dan Sarawak menyediakan asas yang kukuh bagi perkongsian yang berdaya maju dari segi komersial dalam penanaman padi, penternakan, perikanan, akuakultur dan pemprosesan makanan.

Dengan memperkukuh rantaian bekalan serantau dan memperluas pelaburan merentas sempadan terangnya, keterjaminan makanan dapat dipertingkatkan, di samping mewujudkan peluang ekonomi baharu.

Selain itu tambahnya, pembangunan pelancongan turut dikenal pasti sebagai bidang berpotensi melalui pemanfaatan biodiversiti, warisan budaya dan kepelbagaian tarikan pelancongan Borneo.

Usaha tersebut boleh memperkukuh daya tarikan Borneo sebagai rantau pelancongan pelbagai destinasi, sekali gus membuka peluang pelaburan dalam sektor perhotelan, ekopelancongan, pengangkutan dan industri sokongan yang turut memberikan manfaat kepada masyarakat tempatan serta Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

Dalam kerjasama tenaga, NBD mengalu-alukan kerjasama yang lebih erat dalam bidang tenaga boleh diperbaharui, sistem penyimpanan tenaga bateri serta teknologi rendah karbon yang lain.

Usaha memperkukuh kesalinghubungan tenaga jelas Yang Mulia Datin Seri Paduka Dayang Hajah Tutiaty, termasuk inisiatif yang berkaitan dengan wawasan Grid Kuasa ASEAN, dapat meningkatkan keterjaminan tenaga, daya tahan dan kesalinghubungan serantau.

Keempat, logistik dan kesalinghubungan. Penambahbaikan kesalinghubungan darat, maritim, udara dan digital amat penting bagi memudahkan perdagangan, pelaburan serta pergerakan manusia, barangan dan perkhidmatan yang cekap di seluruh Borneo.

Inisiatif-inisiatif sedemikian tekannya, dapat memperkukuh keterjaminan tenaga, menggerakkan pelaburan dan menyokong matlamat kemampanan bersama.

Melalui bidang kerjasama tersebut tambah Yang Mulia Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, sebuah ekonomi serantau yang lebih bersepadu dan berdaya tahan dapat dibangunkan demi manfaat perusahaan, masyarakat dan generasi akan datang di seluruh Borneo.

Sejajar dengan tema pada hari ini, beliau percaya agenda pelaburan bersama untuk Borneo hendaklah berpandukan empat prinsip utama, iaitu kesalinghubungan, kemampanan, perkongsian dan keterangkuman.

Pertama, kesaling hubungan serantau dan integrasi ekonomi. Kerjasama di bawah BIMP-EAGA, ASEAN dan APEC perlu diperdalam bagi memperkukuh kesalinghubungan merentas sempadan, memudahkan perdagangan dan pelaburan serta mengintegrasikan Borneo dengan lebih berkesan ke dalam rantaian nilai serantau dan global.

Kedua, pelaburan berkualiti tinggi dan mampan. Usaha menarik pelaburan hendaklah menyokong kepelbagaian ekonomi, menggalakkan pertumbuhan hijau, memacu transformasi digital serta memberikan manfaat ekonomi, sosial dan alam sekitar dalam jangka panjang.

Ketiga, perkongsian sektor swasta dan pemerkasaan PMKS. Kerjasama antara kerajaan, pelabur dan perusahaan perlu diperkukuh, di samping membolehkan PMKS menembusi pasaran baharu, mengambil bahagian dalam rantaian bekalan serantau dan memperoleh manfaat daripada peluang pelaburan.

Keempat, pertumbuhan inklusif dan kemakmuran bersama. Pelaburan hendaklah memastikan pewujudan peluang pekerjaan berkualiti, pembangunan keupayaan tempatan, penggalakan inovasi serta penyampaian manfaat yang nyata kepada masyarakat di seluruh Borneo.

>> Muka 11

Benarkah Syaitan Lari Ke Tandas Apabila Mendengar Laungan Azan?

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

AZAN merupakan salah satu syi'ar Islam dan antara keistimewaan yang hanya dikurniakan kepada umat Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam*. Azan sunat dilaungkan apabila hendak mendirikan sembahyang fardhu lima waktu sahaja termasuk sembahyang fardhu Jumaat. Adapun melaungkan azan selain sembahyang lima waktu seperti sembahyang yang dinazarkan, sembahyang jenazah dan sembahyang sunat sekalipun sembahyang sunat itu dituntut untuk dikerjakan secara berjemaah, hukumnya adalah makruh.

Azan juga sunat dilaungkan dalam keadaan-keadaan tertentu selain sembahyang fardhu seperti azan di telinga kanan anak kecil yang baru lahir, di telinga orang yang terkena sawan, ketika berlaku kebakaran dan lain-lain.

Melaungkan azan memiliki beberapa kelebihan di sisi syara'. Salah satu kelebihan melaungkan azan yang biasa diketahui oleh masyarakat ialah syaitan akan melarikan diri apabila mendengar azan dilaungkan. Bahkan terdapat juga sebilangan masyarakat yang mengatakan bahawa syaitan akan melarikan diri ke tandas apabila mendengar azan dilaungkan. Berdasarkan dakwaan ini ada yang melarang daripada memasuki tandas apabila azan dilaungkan kerana syaitan berada di dalam tandas pada ketika itu. Persoalannya, sejauh manakah kebenaran dakwaan tersebut?

Berkenaan syaitan melarikan diri apabila azan dilaungkan, terdapat hadits shahih yang menyatakan mengenai perkara ini. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu*, bahawasanya Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda :

Maksudnya : *Apabila (azan) dilaungkan untuk sembahyang, syaitan melarikan diri dan dia berkentut sehingga dia tidak mendengar (laungan) azan. Apabila azan selesai dilaungkan, dia datang kembali. Sehinggalah apabila iqamah dilaungkan untuk sembahyang, dia melarikan diri (lagi). Apabila iqamah selesai dilaungkan, dia datang semula hingga membisikkan lintasan fikiran antara seseorang dengan dirinya sendiri. Dia (syaitan) berkata : "Ingatlah perkara ini, ingatlah perkara itu", (iaitu) perkara-perkara yang dia tidak fikirkan (sebelumnya), sehinggalah orang tersebut tidak sedar berapa rakaat dia telah bersembahyang.*

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Menurut para ulama, antara sebab syaitan melarikan diri ketika azan dilaungkan ialah supaya syaitan tidak mendengar laungan azan tersebut kerana jika syaitan mendengar laungan azan, maka di akhirat kelak syaitan terpaksa menjadi saksi terhadap orang yang melaungkan azan. Mengenai perkara sesiapa yang mendengar azan akan menjadi saksi bagi orang yang melaungkan azan merupakan antara kelebihan bagi orang yang melaungkan azan dan ia ada disebut dalam hadits shahih yang diriwayatkan daripada Abu Sa'id al-Khudriy *Radhiallahu 'anhu*, beliau mendengar daripada Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* :

Maksudnya : *Tidaklah (mana-mana) jin, manusia, mahupun sesuatu mendengar jangkauan suara mu'adzdzin (orang yang melaungkan azan), melainkan ia akan menjadi saksi baginya pada hari kiamat.*

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya Syarh an-Nawawi 'ala Muslim juga membawakan pendapat lain mengenai sebab syaitan melarikan diri ketika azan dilaungkan iaitu disebabkan keagungan dan kebesaran azan kerana kalimah azan itu mengandungi asas-asas tauhid serta ia menzahirkan dan menyatakan syi'ar-syi'ar Islam. Menurut satu pendapat lain lagi, syaitan melarikan diri ketika azan dilaungkan kerana syaitan berasa putus asa untuk membisikkan waswas kepada manusia semasa kalimah tauhid dilaungkan.

Hadits di atas juga ada menyebut mengenai keadaan syaitan melarikan diri dan berkentut ketika mendengar azan dilaungkan sehingga syaitan tidak mendengar laungan azan. Imam Ibn Hajar al-'Asqalani *Rahimahullah* dalam kitabnya Fath al-Bari menjelaskan maksud keadaan tersebut sebagaimana yang berikut :

1. Syaitan sengaja mengeluarkan bunyi kentut untuk tidak mendengar azan atau untuk menghina azan.

Zahir hadits tersebut menunjukkan bahawa syaitan senghaja mengeluarkan bunyi kentut tersebut sama ada untuk memalingkan pendengarannya sendiri daripada mendengar suara *mu'adzdzin* iaitu dengan mendengar bunyi kentutnya, atau syaitan sengaja melakukannya sebagai bentuk penghinaan terhadap azan sebagaimana yang dilakukan oleh orang-orang yang bodoh (*as-sufaha'*).

2. Syaitan merasa takut yang amat sangat terhadap laungan azan.

Ada kemungkinan syaitan tidak sengaja mengeluarkan bunyi kentut, tetapi terkentut ketika mendengar azan akibat rasa takut yang amat sangat apabila mendengar laungan azan.

3. Syaitan berkentut sebagai penentangan terhadap ibadah sembahyang.

Ada kemungkinan syaitan sengaja berkentut untuk menentang perkara yang menjadi syarat sah sembahyang iaitu suci daripada hadats, dan penentangan itu dilakukan oleh syaitan dengan melakukan perkara yang membatalkan sembahyang iaitu kentut.


Oleh itu, berdasarkan dalil-dalil daripada hadits-hadits Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* dan penjelasan daripada para ulama di atas menunjukkan dengan jelas bahawa syaitan akan lari apabila mendengar laungan azan.

Adapun berkenaan tempat yang dituju oleh syaitan untuk melarikan diri itu pula, menurut pendapat Imam Ibn Hajar al-'Asqalani *Rahimahullah* dalam kitabnya Fath al-Bari, tempat yang dituju oleh syaitan ialah suatu tempat yang jauh sehingga tidak didengar bunyi laungan azan di tempat itu berdasarkan zahir maksud perkataan hadits "*sehingga dia tidak mendengar (laungan) azan*". Namun dalam hadits lain ada menjelaskan bahawa syaitan melarikan diri ketika azan dilaungkan menuju ke tempat yang bernama ar-Rauha' sebagaimana yang diriwayatkan daripada Jabir *Radhiallahu 'anhu* beliau berkata, bahawasanya beliau mendengar Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda :

Maksudnya : *Sesungguhnya syaitan apabila dia mendengar laungan azan untuk sembahyang, dia pergi (melarikan diri) sehinggalah dia (sampai) di tempat (yang dinamakan) ar-Rauha'.*

(Hadits riwayat Muslim)

Ketika Jabir *Radhiallahu 'anhu* ditanya mengenai ar-Rauha', beliau menjelaskan bahawa jarak jauh ar-Rauha' daripada kota Madinah ialah sebanyak 36 batu. Walau bagaimanapun menurut pengarang kitab Fath al-Mun'im Syarh Shahih Muslim, bukanlah maksud daripada hadits ini bahawa syaitan itu melarikan diri menuju ke tempat tersebut (ar-Rauha') secara khususnya, sebaliknya ia merupakan kinayah yang menggambarkan jauhnya jarak dia menjauhkan diri daripada *mu'adzdzin* supaya dia tidak mendengar suara azan. Setiap kali suara *mu'adzdzin* itu semakin tinggi, maka semakin jauh syaitan itu melarikan diri daripadanya.



Berdasarkan penjelasan tersebut, dakwaan yang mengatakan bahawa syaitan akan melarikan diri ke tandas apabila azan dilaungkan adalah dakwaan yang berlawanan dengan hadits dan penjelasan ulama di atas kerana jika dalam tandas itu boleh didengar bunyi laungan azan, maka syaitan akan melarikan diri daripada tandas tersebut sehingga ke tempat yang dia tidak dapat mendengar bunyi laungan azan.

Adapun maksud syaitan yang disebut dalam hadits di atas, menurut Imam Ibn Hajar al-'Asqalani *Rahimahullah* syaitan yang dimaksudkan itu ialah Iblis sebagaimana yang dinyatakan oleh kebanyakan ulama hadits.

Menyebut tentang syaitan lari ketika mendengar azan yang dilaungkan kerana sembahyang, Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya Tuhfah al-Muhtaj dan as-Sayyid al-Bakri *Rahimahullah* dalam kitabnya I'anah ath-Thalibin menjelaskan bahawa sunat dilaungkan azan ketika seseorang mengalami gangguan jin yang jahat kerana syaitan akan melarikan diri apabila mendengar laungan azan berdasarkan hadits-hadits *shahih*.

Demikian penjelasan mengenai persoalan benarkah syaitan lari ke tandas apabila mendengar laungan azan.

منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كلولأن ڤوسة دعوه اسلاميه

Hati yang bersih akan mendekatkan diri pada Allah

ALLAH Subhanahu Wata'ala telah mengurniakan manusia dengan tubuh badan yang cukup sempurna. Ini termasuk anggota yang paling istimewa iaitu hati. Hati mempunyai peranan yang cukup besar kerana ia menentukan dan mencorak cara hidup seseorang individu. Hatilah yang memerintahkan segala tindakan yang dilaksanakan oleh anggota-anggota badan yang lain, kerana itu setiap anggota tubuh badan akan dipertanggungjawabkan dan disoal di akhirat kelak tentang kelakuan serta amalan yang dilakukan semasa di dunia.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Israa' ayat 36, yang terjemahan makna ayatnya :

Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya, sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semuanya itu akan dipertanggungjawabkan mengenainya.

Sebagai umat Islam kita hendaklah berusaha untuk menjaga dan membersihkan hati, kerana jika hati itu kotor, maka akan binasa dan buruklah segala amalan yang dilakukan. Hadis riwayat Imam Al-Bukhari dan Muslim dalam kitab sahih meriwayatkan daripada An-Nu'man bin Basyir berkata bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya :

Sesungguhnya di dalam diri manusia itu ada seketul daging. Apabila daging itu baik, maka baiklah seluruh anggota. Dan apabila daging itu rosak, maka rosaklah seluruh anggota, ketahuilah itulah hati.

Hati dibahagikan kepada tiga jenis iaitu pertama, hati yang sakit iaitu hati yang dipenuhi dengan pelbagai penyakit seperti sifat riak, hasad, *ujub* (bangga diri), *ghibbah* (berkata buruk tentang orang lain) dan sebagainya. Jika tidak dirawat akan boleh mematikan hati. Kedua, hati yang mati iaitu hati yang tertutup daripada menerima segala nasihat kerana telah dikawal oleh hawa nafsu dan syaitan *laknatullah* sehingga berpaling daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan ketiga ialah hati yang sihat iaitu hati orang-orang yang beriman, yang hidup dengan zikrullah dan sentiasa terbuka untuk menerima nasihat dengan penuh ketaatan sehingga menjadikan pemiliknya sentiasa berada dalam ketenangan dan kesejahteraan.

Antara punca utama yang boleh mematikan hati adalah kegagalan menjaga dan mengawal lidah yang akan mengakibatkan berlakunya sifat-sifat keji seperti mengumpat, mencaci, mengadu domba dan memfitnah. Justeru itu, cara yang paling mudah untuk mengatasi semua ini adalah dengan berdiam diri, kerana berbicara akan menimbulkan pelbagai masalah yang mungkin mendatangkan mudarat kepada manusia.

Kegagalan mengawal mata juga boleh merosakkan hati dan kesucian jiwa dengan memandang sesuatu yang dilarang oleh Allah Subhanahu Wata'ala yang akhirnya boleh menjatuhkan seseorang itu ke dalam kancah maksiat seperti zina dan sebagainya. Begitu halnya jika tidak mampu mengawal perut dengan makan makanan yang haram atau *syubhah*, atau makan secara berlebih-lebihan. Perbuatan ini boleh mematikan hati dan melalaikan jiwa daripada mengingati Allah Subhanahu Wata'ala. Adapun antara cara untuk mengawal perut adalah dengan berpuasa kerana dengan berpuasa boleh membersihkan serta mensucikan jiwa dan tubuh badan daripada segala penyakit.

Selain itu, terdapat juga penyakit hati yang tidak kurang bahayanya kepada kita kerana penyakit ini tidak disedari oleh para penghidapnya iaitu penyakit was-was dan seumpamanya. Cara mengatasi penyakit ini adalah dengan memperbanyakkan zikir dan meningkatkan ilmu pengetahuan serta mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan berdoa kepada-Nya supaya dilindungi daripada penyakit was-was dan segala gangguan syaitan *laknatullah* kerana sesungguhnya penyakit was-was itu datangnya daripada syaitan

Cara terbaik dalam mengubati penyakit hati adalah dengan membaca Al-Quran serta memahami segala isi kandungannya dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Yunus ayat 57, yang terjemahan makna ayatnya :

Wahai manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu (Al-Quran yang menjadi) pengajaran daripada Tuhan kamu dan ubat penyembuh bagi (penyakit batin) yang ada di dalam dada dan petunjuk serta rahmat bagi orang-orang yang beriman.

Bersamalah kita berusaha menjaga dan mengubati hati dan sentiasa mencari ikhtiar dalam membersihkan jiwa, kerana setiap penyakit itu ada ubatnya. Semoga kita mempunyai hati yang suci dan bersih yang sentiasa mengingati dan mencintai Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al Anfaal ayat 2, yang terjemahan makna ayatnya :

Sesungguhnya orang-orang yang (benar-benar) beriman itu ialah mereka yang apabila disebut nama Allah gementarlah hati mereka dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, bertambah (kuat) iman mereka dan hanya kepada Tuhan mereka sahajalah mereka bertawakal.

Kepentingan kerjasama serantau, memperkukuh daya tarikan Borneo



YANG Mulia Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, merangkap Timbalan Pengerusi Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei turut menyampaikan ucaptama pembukaan.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

GADONG, Selasa, 27 Oktober. – Meja Bulat Perniagaan Borneo 2026 menghimpunkan agensi promosi pelaburan, penggubal dasar, pemimpin perniagaan dan institusi serantau dari Negara Brunei Darussalam (NBD), Republik Indonesia, Sabah dan Sarawak bagi memajukan agenda bersepadu untuk mempromosikan Borneo sebagai destinasi pelaburan mampan.

Di bawah tema 'Invest Borneo: Building a Shared Investment Agenda', Meja Bulat tahun ini yang berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, meneruskan tumpuan edisi 2025 terhadap perdagangan dan kesalinghubungan intra-Borneo, dengan mengalihkan perbincangan ke arah promosi pelaburan secara bersama.

Meja Bulat berkenaan dianjurkan oleh Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN Brunei Darussalam (ASEAN-BAC) dan Majlis Penasihat Perniagaan APEC Brunei Darussalam (ABAC) di bawah Program Ekonomi Brunei, dengan kerjasama Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri serta Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Asia dan Pasifik (UN ESCAP).

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi ABAC NBD, Pengiran Aki Ismasufian bin Pengiran Haji Ibrahim, merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Standard Chartered Bank Brunei, dan Pegawai Hal Ehwal Ekonomi, Bahagian Perdagangan, Pelaburan dan Inovasi, UN ESCAP, Dr. Heather Lynne Taylor-Strauss.

Kedua-duanya menekankan kepentingan kerjasama serantau dalam memperkukuh daya tarikan Borneo sebagai destinasi pelaburan serta mengalu-alukan penyertaan agensi promosi pelaburan dari seluruh sub-rantau berkenaan.

Pada majlis itu, Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab, merangkap Timbalan Pengerusi Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) turut menyampaikan ucaptama pembukaan.

Dalam ucaptamanya, Yang Mulia Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri menegaskan semula komitmen NBD untuk mempererat kerjasama ekonomi dengan negara-negara jirannya di Borneo, serta menekankan peranan promosi pelaburan yang diselaraskan dalam mewujudkan peluang baharu bagi para pengusaha di seluruh sub-rantau berkenaan.

Ucapan pembukaan seterusnya disampaikan oleh Pengerusi Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Meja Bulat berkenaan berpandukan inisiatif Invest Borneo oleh UN ESCAP yang dibiayai oleh Bank Pembangunan Islam.

Penasihat Serantau di Pejabat Subrantau UN ESCAP bagi Asia Tenggara, Madelyn Almazora menjelaskan perkembangan penyediaan pelan tindakan promosi pelaburan sub-rantau yang sejajar dengan Pelan Tindakan Promosi Pelaburan Serantau ASEAN 2025-2030.

Pelan berkenaan bertujuan menyediakan rangka kerja bagi membolehkan agensi promosi pelaburan mengenal pasti sektor yang saling melengkapi, menetapkan keutamaan bersama dan menyelaraskan usaha promosi, dengan tetap menghormati mandat setiap negara.

Agensi promosi pelaburan yang mengambil bahagian kemudiannya membentangkan keutamaan pelaburan, sektor sasaran dan tawaran pelaburan masing-masing.

Pembentangan disampaikan oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif BEDB, Daniel Leong; Pengarah Pusat Promosi Pelaburan Indonesia (IIPC) Singapura, Irma Rachmiyati; dan Ketua Pegawai Eksekutif Invest Sabah Berhad, Kevin George Ukang.

Sesi utama, iaitu perbincangan meja bulat bertajuk 'From Collaboration to Investment Partnerships', meneliti bidang yang mempunyai potensi untuk saling melengkapi, termasuk tenaga, logistik, pelancongan, penjagaan kesihatan, makanan, perkhidmatan digital, infrastruktur dan zon ekonomi khas.

Sesi berkenaan turut membincangkan bagaimana keutamaan bersama dapat diterjemahkan kepada projek yang berdaya maju serta tawaran pelaburan yang menarik.

Perbincangan itu menghimpunkan wakil kanan agensi promosi pelaburan dari NBD, Republik Indonesia, Sabah dan Sarawak, bersama pemimpin daripada sektor perbankan, tenaga, perkhidmatan digital, pelaburan berdaulat dan pendidikan, serta organisasi perniagaan dan dasar serantau Republik Indonesia.

Sesi yang dikendalikan oleh UN ESCAP itu menyediakan platform bagi perkongsian pandangan sektor awam dan swasta mengenai cara sub-rantau berkenaan dapat meningkatkan kedudukannya sebagai destinasi pelaburan yang lebih berdaya saing.

Meja Bulat tersebut merumuskan bahawa potensi pelaburan Borneo dapat direalisasikan dengan lebih menyeluruh apabila NBD, Republik Indonesia, Sabah dan Sarawak mengetengahkan tawaran pelaburan yang diselaraskan kepada para pelabur, berasaskan kekuatan yang saling melengkapi dan bukannya persaingan.

Para peserta mengenal pasti sektor tenaga, logistik, keterjaminan makanan, pelancongan, penjagaan kesihatan dan perkhidmatan digital sebagai bidang yang berpotensi untuk kerjasama.

Mereka turut menekankan keperluan untuk memperkukuh penyelarasan antara agensi promosi pelaburan, mengadakan dialog berkala antara sektor awam dan swasta, serta membangunkan perkongsian praktikal yang berfokuskan projek.

Pandangan dan hasil perbincangan yang dikongsikan akan membantu dalam penyediaan pelan tindakan promosi pelaburan sub-rantau Invest Borneo dalam beberapa bulan akan datang.

Meja Bulat Perniagaan Borneo, yang mula diadakan pada 2023, merupakan sebahagian daripada Program Ekonomi Brunei, iaitu siri penglibatan tahunan yang dianjurkan oleh ASEAN-BAC NBD dan ABAC NBD bagi menghubungkan komuniti perniagaan, kerajaan dan rakan antarabangsa dalam membincangkan keutamaan ekonomi NBD, selaras dengan usaha mendukung Wawasan Brunei 2035.

Memacu pertumbuhan ekonomi melalui inovasi, kemampanan

>> Muka 9

Keempat-empat prinsip tersebut jelasnya lagi, menyediakan asas yang kukuh untuk meletakkan Borneo sebagai destinasi pelaburan yang saling terhubung, berdaya saing dan mampan.

Yang Mulia Datin Seri Paduka Hajah Tutiaty dalam ucaptamanya juga menjelaskan, Wawasan 'Melabur di Borneo: Membina Agenda Pelaburan Bersama' pada hakikatnya adalah mengenai usaha membina masa depan bersama.

Masa depan yang menyaksikan ekonomi kita lebih terhubung, perusahaan lebih berdaya saing dan masyarakat lebih makmur. Masa depan yang menyaksikan kerjasama diterjemahkan kepada pelaburan, pelaburan membuka peluang dan peluang membawa kepada kemajuan ekonomi serta sosial yang berkekalan.


Oleh itu terangnya, marilah kita bersama-sama memastikan Borneo bukan sahaja kaya dengan sumber, malah kaya dengan peluang untuk perusahaan, pelabur, rakyat dan generasi akan datang.

"Melalui kesalinghubungan serantau dan kerjasama yang lebih kukuh, kita mampu membangunkan ekonomi yang dinamik serta menjana kemakmuran bersama untuk generasi akan datang," ujarnya.

Sebelum mengakhiri ucapan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Hajah Tutiaty turut merakamkan penghargaan atas sumbangan Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Asia dan Pasifik (UN ESCAP) melalui Pelan Tindakan Promosi Pelaburan Serantau (RIPAP) 2025-2030, yang menyokong pengukuhan keupayaan promosi pelaburan, penyelarasan dan perkongsian pengetahuan di seluruh rantau ini.

Beliau berharap agar Meja Bulat Perniagaan Borneo berjalan dengan jayanya serta menghasilkan perbincangan yang bermanfaat dan hasil yang nyata dalam memajukan agenda pelaburan bersama, di samping menyumbang kepada pertumbuhan mampan dan kemakmuran Borneo.

KEPERCAYAAN BERSAMA KUNCI KEAMANAN, KESTABILAN SERANTAU



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Resepsi Hari Pasukan Pertahanan Diri Jepun di Hotel Antarabangsa Rizqun.

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Haji Jaya
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 27 Oktober. - Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Kikuta Yutaka, malam tadi menghoskan Majlis Resepsi Hari Pasukan Pertahanan Diri Jepun (Japan Self-Defense Forces Day) yang berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

Resepsi berkenaan diadakan bagi memperingati Hari Pasukan Pertahanan Diri Jepun, di samping menandakan penempatan baharu Atase Pertahanan di Kedutaan Jepun pada tahun ini.

Majlis tersebut merupakan resepsi seumpamanya yang pertama kali diadakan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Dalam ucapannya, Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke NBD menekankan komitmen Jepun untuk terus memperkukuh hubungan perkongsian dengan ASEAN, yang memainkan peranan penting dalam kerjasama serantau berikutan kedudukannya yang strategik di persimpangan Lautan Hindi dan Lautan Pasifik.

Menurut Tuan Yang Terutama, Jepun secara konsisten menyokong prinsip kepusatan dan perpaduan ASEAN serta percaya bahawa kerjasama erat dan penyelarasan usaha dengan ASEAN merupakan kunci dalam mewujudkan persekitaran keselamatan serantau yang berdaya tahan, stabil dan makmur.

Sehubungan itu, Jepun menerusi inisiatif kerjasama pertahanannya dengan ASEAN, iaitu Vientiane Vision 2.0, memberikan penekanan kepada kerjasama berteraskan hubungan erat antara rakyat dan akan terus menggalakkan kerjasama praktikal di rantau ini.

Dalam konteks berkenaan, TYT menegaskan bahawa NBD, yang terletak di tengah-tengah rantau ASEAN dan dikenali sebagai 'Abode of Peace', memainkan peranan penting dalam mengekalkan keamanan dan kestabilan serantau.

TYT turut menyifatkan NBD sebagai rakan kongsi yang amat bernilai kepada ASEAN dan Jepun.

Sejak termeterainya Memorandum Kerjasama dan Pertukaran Pertahanan pada 2023, Jepun dan NBD terus memperkukuh kerjasama praktikal melalui pelbagai rangka kerja, termasuk Dialog Dasar Pertahanan.

Selain itu, pelbagai inisiatif pertukaran antara rakyat kedua-dua negara turut menyumbang kepada usaha mempererat hubungan dan meningkatkan persefahaman bersama.

Antara inisiatif berkenaan termasuk latihan persahabatan semasa persinggahan kapal Pasukan Pertahanan Diri Jepun (JSDF), Program 'The Japan-ASEAN Ship Rider Program'. 'The Japan-ASEAN Women, Peace and Security Cooperation Project' dan 'The Japan-ASEAN Cyber Security Cooperation Project'.

Menurut TYT lagi, inisiatif-inisiatif tersebut menyediakan asas yang kukuh bagi memperdalam kepercayaan bersama dan menggalakkan persefahaman antara Jepun dengan NBD, sekali gus menyokong usaha mengekalkan keamanan dan kestabilan di rantau ini.

Resepsi berkenaan turut dihadiri oleh pegawai-pegawai dari Kementerian Pertahanan NBD dan ABDB, anggota kor diplomatik serta atase-atase pertahanan yang bertugas di NBD.

Kedutaan Jepun di NBD akan terus berusaha memperkukuh kerjasama dan pertukaran dalam bidang pertahanan antara Jepun dan NBD.

PELITA BRUNEI

KESEDARAN MASYARAKAT DIPERTINGKAT BAGI MENYOKONG PENUAAN SIHAT

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman

TUNGKU LINK, Selasa, 27 Oktober. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) menganjurkan Sambutan Hari Antarabangsa Warga Emas (HAWE) 2026 selama tiga hari bermula hari ini, 28 dan 31 Oktober 2026 bagi meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan penuaan yang berjaya serta menggalakkan persediaan awal ke arah kehidupan yang lebih sihat, berdikari dan berkualiti.

Acara berkenaan dianjurkan bersama oleh Pusat Penyelidikan Lanjutan (Centre for Advanced Research - CARe) dan Kluster Jangkauan Komuniti, di bawah Jawatankuasa Strategi Kelestarian UBD, dengan sokongan Pusat Kehidupan dan Kesejahteraan Universiti (Centre for University Life and Wellness-UniHEALTH).

Penganjuran berkenaan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran, memperkukuh keupayaan masyarakat setempat serta menggalakkan tindakan praktikal merentas generasi bagi menyokong penuaan yang sihat.

Dengan bertemakan 'Successful Ageing Starts Now : Preparing for Healthy Longevity', sambutan berkenaan adalah selaras dengan tema antarabangsa, 'Era Usia Panjang : Memikirkan Semula Sistem bagi Kehidupan yang Lebih Panjang' (The Age of Longevity: Rethinking Systems for Longer Lives).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Penolong Naib Canselor (Penglibatan Industri dan Pembangunan Perusahaan), UBD, Dr. Haji Masairol bin Haji Masri pada forum utama pada pagi tadi yang berlangsung di Bilik Senat, Dewan Canselor UBD, di sini.

Forum ini menghimpunkan para profesional penjagaan kesihatan, penyelidik, wakil masyarakat dan warga emas bagi membincangkan pelbagai aspek penuaan sepanjang hayat, termasuk perimenopaus dan menopaus, kesihatan penglihatan dan pendengaran serta kesejahteraan mental.



Forum berkenaan diakhiri dengan sesi 'Voices of Agency : Stories of Ageing Well', yang mengetengahkan pengalaman, ketabahan dan sumbangan berterusan warga emas kepada masyarakat.

Pengarah Centre for Advanced Research (CARe), Dr. Siti Mazidah binti Haji Mohamad, dalam ucapan pembukaannya berkata, seiring dengan peningkatan jangka hayat, kita perlu menilai semula cara membuat persediaan menghadapi proses penuaan, bukan sahaja sebagai individu, tetapi juga sebagai keluarga, masyarakat dan institusi.

Jelasnya lagi, program berkenaan menghimpunkan penyelidikan, kepakaran profesional dan pengalaman sebenar bagi menggalakkan pendekatan yang lebih inklusif dan proaktif ke arah penuaan yang sihat.

Sementara itu, Pengerusi Bersama program, Dr. Sharimawati binti Haji Sharbini, pula menjelaskan penuaan yang berjaya tidak bermula pada usia 60 tahun, sebaliknya bermula dengan pilihan dan tindakan yang kita ambil hari ini.

"Kami berharap program ini dapat menggalakkan semua peringkat umur untuk mengambil tanggungjawab terhadap kesihatan, keupayaan berdikari dan masa depan masing-masing.

"Penuaan yang sihat merupakan tanggungjawab bersama dan persediaannya perlu bermula lebih awal," ujarnya lagi.



AHLI-ahli panel pada forum berkenaan (bawah kiri). Manakala gambar atas, turut hadir pada acara tersebut di Bilik Senat, Dewan Canselor UBD, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Program akan diteruskan pada esok, 28 Oktober 2026 di Innovation Wharf, Perpustakaan UBD, dengan aktiviti literasi kewangan, persediaan persaraan dan kesejahteraan dari pukul 9.00 pagi hingga 11.00 pagi, diikuti aktiviti kesedaran minda dan kreativiti dari pukul 2.00 petang hingga 4.00 petang.

Sementara itu pada 31 Oktober pula, sesi 'Safe Movement and Fall Recovery' akan diadakan di kawasan lapang Dewan Canselor, UBD, dari pukul 9 .00 pagi hingga 11.00 pagi.

Sesi berkenaan menggabungkan prinsip latihan ReST (Resistance, Strength and Balance Training) dengan pergerakan berinspirasikan daripada sukan *parkour* bagi memperkenalkan kemahiran keseimbangan, pergerakan selamat dan kaedah untuk bangun semula selepas terjatuh melalui demonstrasi serta aktiviti berpandu yang disesuaikan mengikut kemampuan peserta.

Sambutan HAWE 2026 turut bertujuan untuk mengubah tanggapan bahawa isu penuaan hanya berkaitan dengan golongan warga emas, sebaliknya menekankan bahawa persediaan untuk meniti usia tua yang sihat perlu bermula sejak awal kehidupan.

Inisiatif berkenaan membawa mesej bahawa penuaan yang berjaya bukan sekadar hidup lebih lama, tetapi menjalani kehidupan yang lebih sihat, bermakna, berdikari dan terus menyumbang kepada masyarakat.

Program Talian Kasih mengukuhkan kerjasama masjid senusantara



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Penghulu Mukim Lumapas hadir pada program tersebut. Turut hadir, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri (kiri dan kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Hal Ehwal Masjid

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 27 Oktober. - Dalam memperluaskan jaringan hubungan serta memperkukuh kerjasama antara masjid di dalam dan luar negara, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Imarah telah menganjurkan Program Talian Kasih: Masjid-Masjid Serantau.

Program tersebut diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien dengan tujuan untuk mengeratkan hubungan antara masjid-masjid di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Program ini dilaksanakan secara dalam talian pada setiap bulan bersempena dengan hari-hari kebesaran Islam dan negara, dengan penglibatan daripada Ahli Jawatankuasa Takmir, pegawai-pegawai masjid, Muslimah serta belia masjid.

Program ini merupakan kesinambungan daripada Muktamar Masjid-Masjid Serantau yang diadakan di Kuching, Sarawak, yang menekankan konsep 'Mosque Strategic and Smart Networking Centre'.

Ia menjadi wadah ilmiah dalam menjalinkan rangkaian persahabatan, perkongsian idea, ilmu pengetahuan dan program, di samping menyokong usaha mempromosikan pelancongan Islam.

Hadir sama pada program tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas.

Turut hadir, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri; dan Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Zulikifli bin Haji Murat.

Manakala dari Negeri Selangor Darul Ehsan, Malaysia, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Encik Haji Hashim bin Muhamad.



Juga hadir, Penolong-Penolong Pengarah, JAIS, Pengurus dan Nazir Masjid seluruh Negeri Selangor.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan pembentangan Peranan Unit Kelas Al-Quran dan Muqaddam di Negara Brunei Darussalam disampaikan oleh Ketua Bahagian Imarah, JHEM, Awang Haji Fansuri Sharimi@Haji Mansur bin Mohamad Ali.

Majlis diteruskan dengan perkongsian Aktiviti Takmir disampaikan oleh wakil dari Masjid Diraja Tengku Ampuan Jemaah, Bukit Jelutong, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Objektif utama program ini adalah untuk mengukuhkan hubungan kerjasama antara masjid-masjid senusantara, membuka peluang kerjasama projek dan usaha masa depan, serta berkongsi maklumat dan ilmu secara berkala.

Semoga dengan terlaksananya program ini, hubungan jalinan silaturahim antara masjid-masjid di NBD dengan masjid-masjid serantau akan semakin erat, sekali gus menjadikan masjid sebagai pusat ibadah, pendidikan, kebudayaan dan pembangunan sahsiah umat Islam.

UBD, SEAFIC JALIN KERJASAMA STRATEGIK DALAM PENYELIDIKAN, PENGLIBATAN DASAR



NAIB Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle hadir menandatangani MoU tersebut bagi pihak UBD. Manakala bagi pihak SEAFIC ditandatangani oleh Pengerusi SEAFIC, Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUNGKU LINK, Isnin, 26 Oktober. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Southeast Asian Futures Initiative Centre (SEAFIC) hari ini mengesahkan kerjasama institusi mereka melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) di UBD hari ini.

Menandatangani MoU bagi pihak UBD ialah Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle, manakala SEAFIC ditandatangani oleh Pengerusi SEAFIC, Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz.

MoU ini menandakan permulaan kerjasama strategik yang bertujuan untuk memperkukuh penyelidikan, penglibatan dasar, dan pertukaran pengetahuan di seluruh Asia Tenggara.

Kerjasama ini juga mewujudkan satu rangka kerja bagi kedua-dua institusi untuk meneroka kolaborasi dalam bidang-bidang yang mempunyai kepentingan bersama, termasuk perubahan iklim, tadbir urus alam sekitar, pembangunan mampan, perniagaan, ekonomi, perdagangan, dan pelaburan.

Melalui MoU ini, UBD dan SEAFIC akan meneroka peluang bagi projek penyelidikan bersama, penerbitan akademik, dialog dasar, aktiviti perkongsian pengetahuan, serta program pembangunan kapasiti.

Kerjasama ini juga bertujuan untuk memperkukuh lagi hubungan antara ahli akademik, penggubal dasar, dan industri, di samping menyediakan peluang kepada ahli akademik, pelajar pascasiswazah, dan penyelidik peringkat awal kerjaya untuk menyumbang kepada perbincangan dasar serantau.

Dalam ucapannya, Dr. Hazri menekankan kepentingan menterjemahkan kerjasama antara institusi kepada hasil yang bermakna.

"Bagi UBD, nilai sebenar MoU ini tidak hanya diukur melalui perjanjian yang kita tandatangani hari ini, tetapi melalui kolaborasi dan hasil bermakna yang akan menyusul. Melalui kerjasama dengan SEAFIC, kami berharap dapat memperkukuh hubungan antara penyelidikan akademik, penggubalan dasar, dan industri, serta menyumbang kepada usaha menangani cabaran dan memanfaatkan peluang yang dihadapi oleh Asia Tenggara," ujar Dr. Hazri lagi.

Sementara itu, Tengku Datuk Seri Utama Zafrul berkata, MoU yang ditandatangani petang ini menyediakan wadah bagi meneruskan usaha bersama kedua-dua institusi.

"Setiap tahun, perhatian terhadap jerebu cenderung berkurangan apabila asap menghilang. Harapan kami adalah agar usaha yang dimulakan hari ini berterusan merentasi musim, memandangkan pada tempoh inilah keputusan-keputusan penting dibuat.

"Semasa mempengerusikan mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN tahun lalu, saya mendapati bahawa lebih mudah untuk mencapai persetujuan apabila semua pihak yang terlibat berpandukan fakta yang sama. Membantu rantau kita membina asas bukti yang dikongsi bersama inilah sumbangan yang diharapkan oleh SEAFIC," kata beliau.

Sebagai inisiatif kolaboratif pertama di bawah perkongsian baharu ini, SEAFIC telah menganjurkan satu perbincangan meja bulat dengan kerjasama UBD, yang bertajuk 'Penyelidikan Iklim dan Tadbir Urus Alam Sekitar Serantau di Asia Tenggara', dengan sokongan daripada Program Ekonomi Brunei (BEP).

Perbincangan meja bulat itu menghimpunkan wakil dari institusi akademik, kerajaan dan industri bagi membincangkan penyelidikan iklim serantau, tadbir urus alam sekitar, pencemaran jerebu rentas sempadan serta peranan penyelidikan dalam menyokong penggubalan dasar berasaskan bukti.

Perbincangan berkenaan turut memberikan peluang kepada UBD dan SEAFIC untuk mengenal pasti keutamaan penyelidikan bersama serta meneroka agenda penyelidikan bersama, termasuk penerbitan hasil penyelidikan yang berpotensi dan aktiviti kerjasama pada masa hadapan.

MoU itu mencerminkan komitmen berterusan UBD dalam memperluas kerjasama strategik antarabangsa, memperkukuh impak penyelidikannya serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi mampan dan kerjasama serantau.



Guru pemacu pendidikan berkualiti

GURU ibarat seorang tukang kebun, manakala pelajar ibarat benih yang dijaga dengan penuh kasih sayang. Guru merupakan antara insan terawal yang memupuk minat, bakat dan potensi pelajar untuk maju kehadapan seperti mengalakkan mereka untuk mencuba perkara baru serta membantu mereka mengembangkan minat dan bakat mereka. Pada masa yang sama, guru juga meningkatkan motivasi dan memberi bimbingan kepada pelajar iaitu menolong mereka dalam menghadapi kesukaran dalam pembelajaran dan memberi nasihat dalam membuat sesuatu keputusan.

Perkara ini boleh menjadi asbab pelajar mencapai potensi diri mereka dan menjadi insan yang berkeyakinan tinggi. Ini ibarat tukang kebun mengenal pasti tentang setiap keperluan benih dan sentiasa menjaganya mengikut kesesuaiannya agar terus hidup dan berkembang sehingga mekar.

Dalam mendidik generasi yang membesar dengan teknologi, guru dapat mengatasinya dengan menggunakan bahan visual dan mempelbagaikan aktiviti pembelajaran untuk menarik minat dan perhatian pelajar dengan memberi tugasan seperti menghasilkan video dan pembentangan, membolehkan pelajar menggunakan teknologi sambil mengembangkan kreativiti mereka. Ini menunjukkan guru bukan melawan teknologi, tetapi menggunakannya untuk meningkatkan kualliti pendidikan.

Selain daripada itu, pendidikan berkualiti dapat dicapai apabila guru mengaitkan pembelajaran dalam kehidupan seharian. Ini membolehkan pelajar mengaplikasikan pembelajaran dengan situasi sebenar seperti sains dalam penjagaan kesihatan diri. Dengan cara ini, guru dapat melahirkan pelajar yang berpengetahuan, kemahiran dan dapat mengatasi cabaran pada masa hadapan.

Guru juga membentuk sahsiah, adab dan akhlak seorang pelajar. Guru mendidik mereka menjadi seorang insan yang berdisplin, jujur, bertanggungjawab, menghormati antara satu sama yang lain dan berhemah tinggi. Oleh itu, pendidikan berkualiti ini bukan sahaja tentang melahirkan pelajar yang cemerlang dalam pembelajaran bahkan juga membentuk pelajar menjadi insan yang penuh dengan akhlak dan nilai-nilai murni.

Nama : Nurul Nazhirah Ernie Viviaqemmah @ Mimi Nuraihanah binti Kahar
No. K/P : 01-146XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1.**'Transformasi Makna Komunikasi Dalam Era Teknologi'.** Tarikh Tutup **: 28 Oktober 2026**
2.**'Kebakaran Hutan: Ancaman kepada Kehidupan Manusia dan Haiwan'.** Tarikh Tutup **: 4 November 2026**
3.**'Pengurusan Emosi dalam Kalangan Remaja'.** Tarikh Tutup **: 11 November 2026**

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : *pelita.brunei@information.gov.bn*

Menangi BND75 SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / GCAU / MED / TA / 6023
Pembelian Vaksin-Vaksin Bagi Khidmat Perubatan Dan Kesihatan, Tentera Darat Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND 10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 24 November 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 1 Disember 2026
Jam 2.00 petang

JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Bilangan Sebut Harga:
ATELS / 2026 / SH - 20

Tajuk Tawaran:
Supply, Delivery And Functional Testing Of Control And Status Board (CSB) And Front Panel Display (FPD) For Distance Measuring Equipment (DME 500), Department Of Civil Aviation

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:
28 Oktober 2026, Rabu

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:
10 November 2026, Selasa

Tarikh Tutup Sebut Harga:
11 November 2026, Rabu
(Tidak lewat jam 2.00 petang)

UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

1) UNISSA / SB0037 / 2026 / 2027
One (01) Year Term Contract For Grass Cutting And Landscaping Services At Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Gadong Campus – [Class: I & II] & [Category: KPB12]

2) UNISSA / SB0038 / 2026 / 2027
One (01) Year Term Contract For Grass Cutting, Lanscaping And Plantation Services At Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Sinaut Tutong Campus – [Class: I & II] & [Category: KPB12]

Tarikh Tutup:
Rabu, 11 November 2026

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Unit Teknologi Maklumat, Divisyen Pengurusan Korporat Dan Sumber Manusia Kementerian Pembangunan

Bil. Sebut Harga:
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2026 / Q11 Invitation To Renew Krystal Document Management System License-Technical Support For 1 Year, Ministry Of Development

Bayaran Bagi Setiap E-Dokumen Sebut Harga:
BND9.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka:
Rabu, 28 Oktober 2026

Tarikh Akhir Pembelian dan Pembayaran:
Khamis, 12 November 2026

Tarikh Tutup:
Isnin, 16 November 2026
Jam Sebelum 9.00 pagi

UNISSA / SB0039 / 2026 / 2027
Mencetak Dan Menghantar Buku Jawapan Peperiksaan (Examination Answer Booklet), Pejabat Pengurusan Akademik (PPA), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

Tarikh Tutup:
Rabu, 11 November 2026

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dalam Kategori Dan Kelas Terbuka

Tarikh Buka Sebut Harga:
Isnin, 26 Oktober 2026

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran pada:
Isnin, 9 November 2026

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa, 10 November 2026
Jam, 2.00 Petang

Bil. Tawaran:
[KHEDN / LTK / 2026 - 11]

Tajuk Projek:
Kontrak Penggal Bagi Penyewaan Dan Pemasangan Khemah Serta Kelengkapan Bagi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat Di Keempat Daerah Sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Tiga (03) Tahun.

Bilangan Projek:
KHEDN/UPE/004001/2113/01

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak Dikembalikan)

JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
V

Kategori:
M01

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BP / 37 / 2026

Nama Projek :
Kerja-Kerja Penggantian Peralatan Hawa Dingin Di Kediaman Rasmi Permaisuara, Darul Afiyah, Jerudong (Fasa 2)

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
V

Kategori:
M01

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ACM / 36/ 2026

Nama Projek :
Kerja-Kerja Penggantian Sistem Hawa Dingin VRF Di Bangunan Ibu Pejabat, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Jalan Utama Mentiri

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
IV atau V

Kategori:
E 01 dan M01

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BP / 37 / 2026

Nama Projek :
Kerja-Kerja Sistem Pendawaian dan Peralatan / Perkakas Elektrik Di Bangunan Lapau, Jabatan Adat Istiadat Negara

Yuran Tawaran:
BND50.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
10 November 2026 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup:
24 November 2026 (Selasa)
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan Sebut Harga:
04 / KKBS / HK43 - 2027

Tajuk Sebut Harga:
Supply, Install And Dismantle Of New 40ft X 20ft Billboard In Conjunction With 43rd Brunei Darussalam National Day Celebration, 2027

Tarikh Tutup:
Khamis, 12 November 2026

Bilangan Sebut Harga:
01 / KKBS / HK43 - 2027(R)

Tajuk Sebut Harga:
Membekal Dan Menghantar Bendera-Bendera Bagi Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (Re-Quotation)

Tarikh Tutup:
Khamis, 12 November 2026

KEMENTERIAN KESIHATAN

1. Bilangan Tawaran:
KK / 244 / 2026 / SSBH (TC)

Keterangan:
To Supply And Deliver Of Consumable Items For Ward 15 And SCBU, Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health For A Period Of Three (03) Years Usage - 8 Items

Yuran Tawaran:
BND10.00

2. Bilangan Tawaran:
KK / 245 / 2026 / MED

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Paramedic Uniforms Under The Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND10.00

3. Bilangan Tawaran:
KK / 246 / 2026 / HTD

Keterangan:
Repair For One (1) Unit Of Liquid Chromatography Mass Spectrometery (LCMS) System Brand: Thermo Fisher Scientific, Model: Q-EXACTIVE, S/N: 02224L BME19923 At Food Chemistry Section Department Of Scientific Services

Yuran Tawaran:
BND10.00

4. Bilangan Tawaran:
KK / 33 / 2026 / PHARM

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND10.00

5. Bilangan Tawaran:
KK / 34 / 2026 / PHARM

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND10.00

6. Bilangan Tawaran:
KK / 35 / 2026 / PHARM

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND30.00

7. Bilangan Tawaran:
KK / 36 / 2026 / PHARM

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND30.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang
3 November 2026

JABATAN TENAGA MANUSIA DAN PEKERJAAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Jabatan Tenaga Manusia Dan Pekerjaan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Negara Brunei Darussalam

Bilangan Sebut Harga:
PJB / 3003 / SH / 03 - 2026
Sebut Harga Penggantian Label Dan Papan Tanda Jabatan Tenaga Manusia Dan Pekerjaan

Tarikh Tutup Sebut Harga:
4 November 2026 (Rabu)
Jam 2.00 petang

Yuran Bayaran Dokumen Sebut Harga:
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)

Jabatan Tenaga Manusia Dan Pekerjaan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Negara Brunei Darussalam

Bilangan Sebut Harga:
PJB / 3003 / SH / 02 - 2026
Sebut Harga Pembaikan Kebocoran Siling-Siling Yang Terjejas Di Dalam Bangunan Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Manusia Dan Pekerjaan

Tarikh Tutup Sebut Harga:
4 November 2026 (Rabu)
Jam 2.00 petang

Yuran Bayaran Dokumen Sebut Harga:
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)

JABATAN AUDIT JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
AUD / BPK / UE / Q&T / 2026-2027 / 08A
Existing, Installing, Commissioning And Testing PABX System At Jabatan Audit, Bangunan Bahirah, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Perkara:
IP PABX

Kuantiti:
1

Perkara:
IP Telephone - Operator

Kuantiti:
1

Perkara:
IP Telephones

Kuantiti:
16

Perkara:
Switch

Kuantiti:
1

Perkara:
Gateway - Analog Telephones

Kuantiti:
5

Perkara:
Uninterrupted Power Supply (UPS)

Kuantiti:
1

Perkara:
Standing Rack

Kuantiti:
1

Perkara:
Installation, Testing & Commissioning Charges

Kuantiti:
1

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa,
3 November 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
III Sahaja

Kategori:
KA01

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Tidak Lewat Dari Jam 3.00 Petang
Selasa, 17 November 2026

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang
Selasa, 24 November 2026

Bilangan:
JKR / DOR / SRC 38 / 2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Menaik Taraf Dan Membina Kawasan Letak Kereta Bagi Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku / Katok (Tawaran Semula)

Yuran Tawaran :
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen:
Tidak Ada

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
II & Ke Atas Sahaja

Kategori:
KA01

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
10 November 2026 (Selasa)

Tarikh Tutup:
24 November 2026 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB 028 / 2026

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja Pembaikan Paip-Paip Dan Lurang Pembetungan Di Mukim Kuala Belait Bagi Tempoh 24 Bulan.

No. Projek:
2026ADKB/2106/002-003-011

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KHEDN / UTM / LTK / 01 - 2026
The Supply, Delivery, Installation, Configuration, Testing and Commissioning of Wireless Access Points (APs) and Wireless LAN Controller

Tarikh Tutup / Jam:
Selasa,
3 November 2026
Jam 2.00 petang

JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN

Rujukan Tawaran:
JKED / TAWARAN / UPA / BHEK / Q / 2026 - 20
Kerja-Kerja Menaiktaraf Ruang Lobi Dan Kaunter Penyambut Tetamu, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Selasa,
10 November 2026

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
I & II sahaja

Kategori:
B01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM021 / 2026

Bil. Projek:
2026DBSBM / JKR.07

Nama Projek:
Kerja-Kerja Pembaikan, Pembersihan Dan Mengganti Cat Bangunan Di Perumahan Kerajaan Flat JKR Tasek Lama (Blok A, B & C) Di Bawah Kawalan Jabatan Pentadbiran Dan Kewangan, Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Kelas:
IV & V sahaja

Kategori:
B01, KA01 & E01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM022 / 2026

Bil. Projek:
2026DBSBM / JPA.03

Nama Projek:
Integrasi Pengurusan Pemeliharaan Bangunan (104 Minggu) Bagi Flat Kiarong Kelas 'B' (Blok B), Kelas 'CC' (Blok C) Dan Kelas 'DD' (Blok F) Di Bawah Kawalan Jabatan Perkhidmatan Awam, Daerah Brunei Muara, Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak dikembalikan)

Kelas:
III & IV sahaja

Kategori:
B01, KA01 & E01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM023 / 2026

Bil. Projek:
2026DBSBM / JPA.04

Nama Projek:
Integrasi Pengurusan Pemeliharaan Bangunan (104 Minggu) Bagi Flat Kiarong Kelas 'F' Lapangan Terbang Lama Di Bawah Kawalan Jabatan Perkhidmatan Awam, Daerah Brunei Dan Muara, Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
10 November 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
V (IV & V) sahaja

Kategori:
KA01 Sahaja – Kod Baharu

Bilangan Tawaran:
JKR / DDS 008 / 2026 – (CDE).T.V

Nama Projek:
Kontrak Penggal (2026 - 2029) Pemeliharaan Saliran Zon 4 Daerah Brunei dan Muara

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
Selasa,
10 November 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
24 November 2026,
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0055 / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Supply And Delivery Of Reagents And Consumables For Environmental PCR Laboratory And Microbiology Laboratory

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0056 / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Technical Service For Calibration Of Laboratory Equipment In Compliance To ISO / IEC 17025 Standard

Tarikh Tutup:
Khamis, 12 November 2026

Iklan Tarikh Lanjutan

Dibukakan Kepada Pemborong-pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
(V Sahaja)

Kategori:
[KA01,Sahaja]

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
10 November 2026 (Selasa)

Tarikh Tutup:
19 Januari 2027 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 028 / 2026

Nama Projek:
Kajian Keselamatan dan Kerja-Kerja Membaik Pulih Empangan (Design & Build)

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00

JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Kenyataan Bagi Mendapatkan Tawaran

Bilangan Tawaran:
JBBSB / LTK / 2025-2026 / 01 / BPPG / SPPP / 01

Keterangan Tawaran:
Janitorial Services, Pest Control, Landscaping And Ground Maintenance For Bangunan Pasar Pelbagai Barangan Gadong And Its Surrounding Areas [1 December 2026 Until 30 November 2028]

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Kelas:
III ke atas

Kategori:
Minimum S01 dan S02

Tarikh Tutup:
Selasa,
21 Jamadilawal 1448
bersamaan 3 November 2026
Jam 2.00 Petang

Dibukakan Kepada Pemborong - Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
II & III

Kategori:
KA01 (Kod Baru)

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 33 / STE / 2026-T / 11

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaik Pulih Kerosakan Struktur Bangunan Dan Tempat Pejalan Kaki Di Masjid Pehin Dato Imam Haji Mokti, Kampung Burung Pingai Ayer

Yuran Tawaran:
BND 30.00
(Tidak Dikembalikan)

Kelas:
III & IV

Kategori:
KA01 Kod Baharu

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 34 / BKTKS / 2026-T / III

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaik pulih Tanah Susur Di Kampung Birau-Lattice Tower #16

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 35 / BKTKS / 2026-T / II

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaik Pulih Tanah Susur Di Tepi Jalan Utama Receiver Station Jalan Kustin

Yuran Tawaran:
BND 10.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
Selasa,
3 November 2026

Tarikh Tutup:
Selasa,
17 November 2026
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / GCAU / ABDB / TA / 6022
Pembelian Jungle Hat D2P Dan Shooting Cap D2P Bagi Tentera Darat Diraja Brunei Dan Tentera Udara Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 10 November 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 17 November 2026
Jam 2.00 Petang

Bilangan Rujukan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF/ DFA / RC / 33 (10)
Laundry and Ironing Services for Gurkha Security Unit-Five Years Contract

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah sebelum tarikh tutup tawaran pada **Isnin, 9 November 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
10 November 2026
Jam 2.00 Petang

6 PELAJAR MAKTAB SOAS SERTAI PROGRAM PERTUKARAN BELIA JENESYS DI JEPUN

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 Oktober. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Sekolah-Sekolah menyelaras penyertaan enam orang pelajar Tahun 9 dan seorang guru pengiring dari Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien (SOAS) bagi mengikuti Program Pertukaran Belia Jenesys Sukan ASEAN-Japan X SDGs yang berlangsung selama lapan hari, mulai 27 Oktober hingga 3 November 2026 di Tokyo, Jepun.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada para peserta ialah Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (Korporat) dan Superintendent 3 di Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Abdul Wafi Sia bin Abdullah Sia.



Program berkenaan bertujuan memupuk kerjasama antara Jepun dengan negara-negara ASEAN dalam menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals - SDGs) melalui sukan ragbi.

Program tersebut juga menyediakan peluang pembelajaran dan pertukaran sosio-budaya, di samping memperkukuh hubungan serta kerjasama antara Negara Brunei Darussalam dengan Jepun.

Sepanjang program, para peserta berpeluang mendalami sistem pendidikan dan industri sukan ragbi di Jepun, selain menyertai sesi pembelajaran serta aktiviti bersama rakan pelajar dari negara-negara ASEAN yang lain. Mereka juga berpeluang melawat beberapa tempat menarik, fasiliti sukan dan lokasi bersejarah bagi mengenali sejarah serta kebudayaan Jepun.

Pegawai Pendidikan dari Maktab SOAS, Awang Amirullah bin Sallehan, yang berperanan sebagai guru pengiring, menjelaskan bahawa program tahun ini memberi tumpuan kepada sukan ragbi, berbeza dengan program tahun lepas yang melibatkan sukan bola sepak.



PEMANGKU Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (Korporat) dan Superintendent 3 di Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Abdul Wafi Sia bin Abdullah Sia hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada para peserta (atas). Manakala gambar bawah kiri, Pegawai Pendidikan dari Maktab SOAS selaku guru pengiring, Awang Amirullah bin Sallehan semasa ditemu bual.

Menurutnya, para pelajar akan diperkenalkan kepada *tag rugby*, iaitu variasi sukan ragbi yang menggunakan bendera (*flag*) yang dipasang pada pemain dan perlu ditarik oleh pihak lawan, berbeza daripada *tackle rugby* atau *touch rugby*.

Beliau berkata, para pelajar mempunyai pengetahuan asas dan minat terhadap sukan ragbi, sekali gus diharap dapat memanfaatkan peluang berkenaan untuk meneroka serta mempelajari sukan tersebut dengan lebih mendalam.

Beliau juga berharap para peserta dapat mengenali budaya Jepun dan cara sukan ragbi dimainkan di negara berkenaan, di samping menimba ilmu serta pengalaman baharu yang boleh dimanfaatkan apabila kembali ke tanah air.

Sebagai tindakan susulan, para pelajar akan mengadakan sesi perkongsian bersama pihak sekolah dan rakan-rakan sekelas bagi menyampaikan ilmu serta pengalaman yang diperoleh sepanjang menyertai program tersebut.

Program berkenaan turut memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai konsep hidup berdikari di luar negara bagi memperkaya pengalaman pembelajaran mereka.

Seramai 77 orang peserta telah mendaftar untuk mengikuti program berkenaan.

Turut hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan dari Jabatan Sekolah-Sekolah, wakil Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam serta ibu bapa dan ahli keluarga para peserta.

Timba ilmu, perkukuhkan hubungan dalam komuniti perniagaan



AHLI-ahli Persatuan Usahawan Muda Brunei bergambar ramai bersama ahli perniagaan tempatan, Stephen Ong.

Berita dan Foto : Ihsan Persatuan Usahawan Muda Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 Oktober. - Persatuan Usahawan Muda Brunei (YEAB) baru baru ini mengadakan pertemuan bersama ahli perniagaan terkemuka tempatan, Stephen Ong, yang menghimpunkan ahli-ahli dari pelbagai sektor bagi bertukar pandangan mengenai pengurusan perniagaan, pewarisan kepimpinan antara generasi, pembangunan bakat dan nilai-nilai teras dalam perniagaan.

Pertemuan yang disertai oleh ahli-ahli dari sektor reka bentuk, pengurusan media, perakaunan, kewangan, minyak dan gas serta perdagangan itu memberikan peluang kepada para usahawan muda untuk berinteraksi secara langsung dengan ahli perniagaan berpengalaman menerusi perbincangan terbuka dan sesi soal jawab secara interaktif. Stephen Ong mempunyai pengalaman luas dalam dunia perniagaan di Negara Brunei Darussalam (NBD), termasuk dalam sektor hartanah, pelaburan dan pengurusan perhotelan, selain mempunyai latar belakang profesional dalam bidang pengurusan korporat dan analisis kewangan.

Dalam ucapan alu-aluan Presiden YEAB, Goh Chai Li berkata, pertemuan tersebut bertujuan memberikan peluang kepada usahawan muda untuk menimba pengetahuan daripada pengalaman ahli perniagaan yang lebih berpengalaman, memperluas perspektif perniagaan serta mengukuhkan hubungan dalam komuniti perniagaan.

Beliau menambah, pertemuan seumpama itu juga dapat mengeratkan hubungan antara persatuan, penggiat industri dan pihak-pihak berkepentingan lain, sekali gus membuka ruang kepada kerjasama rentas sektor pada masa hadapan.

Sepanjang pertemuan tersebut, para ahli mengemukakan pelbagai persoalan berkaitan strategi perniagaan, perbezaan pendekatan pengurusan antara generasi, pengenalpastian dan pembangunan bakat serta perkembangan kerjaya individu. Berdasarkan pengalaman beliau, Stephen Ong berkongsi pandangan mengenai isu-isu yang dibangkitkan sambil bertukar pendapat dengan ahli-ahli yang hadir, sekali gus mewujudkan perbincangan dua hala mengenai amalan pengurusan dan perniagaan. Beliau menekankan kepentingan sikap mengutamakan perkhidmatan, etika kerja yang positif serta pegangan teguh terhadap nilai-nilai teras dalam pengurusan perniagaan dan pembangunan diri.

Menurutnya, setiap individu berpeluang memperoleh pengalaman berharga melalui pelbagai peranan dan tanggungjawab sekiranya melaksanakan tugas dengan penuh komitmen dan rasa tanggungjawab.

Beliau turut menegaskan kepentingan mengekalkan nilai dan prinsip yang konsisten tanpa mengira peranan yang dipikul.

Menyentuh mengenai proses membuat keputusan perniagaan, beliau menjelaskan, walaupun pemikiran rasional dan pendekatan analitikal merupakan aspek penting, komunikasi yang berkesan serta persefahaman antara individu juga tidak kurang pentingnya. Beliau turut mengingatkan agar kebergantungan yang berlebihan terhadap data dan analisis tidak menyebabkan kepentingan hubungan sesama manusia dalam urusan perniagaan diabaikan.

YEAB akan terus menganjurkan pertemuan seumpama itu bagi memperkukuh hubungan dengan komuniti perniagaan serta pihak-pihak berkepentingan, menggalakkan perkongsian pengetahuan dan kerjasama rentas industri, di samping menyediakan lebih banyak peluang kepada usahawan muda untuk menimba ilmu dan memperluas jaringan profesional. Maklumat lanjut mengenai aktiviti akan datang serta perkembangan terkini persatuan boleh diperoleh menerusi akaun media sosial rasminya, *@yeabrunei*.

Bersama membantu tingkatkan bekalan darah negara

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 Oktober. - Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan, akan mengadakan kempen derma darah selama tiga hari.

Sehubungan itu, orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen tersebut dan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu meningkatkan bekalan darah di negara ini.

Kempen Derma Darah akan diadakan pada Rabu, 28 Oktober 2026 bertempat di McDonald's Lambak bermula 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.00 petang hingga 3.00 petang, manakala pada Khamis, 29 Oktober 2026 bertempat di Pusat Beli Belah Mid Valley di Jalan Masjid Salambigar anjuran Arno Zoey Wonderland bermula 10.00 pagi hingga 3.00 petang dan pada Sabtu, 31 Oktober 2026 bertempat di Lexus Showroom, Gadong bermula 10.00 pagi hingga 3.00 petang.

Orang ramai adalah juga dialu-alukan untuk datang terus ke Pusat Pendermaan Darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Saleha (RIPAS) untuk menderma darah pada hari-hari bekerja bermula 8.00 hingga 11.30 pagi dan 1.30 hingga 4.00 petang.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi BloodKad bagi kempen derma darah adalah sangat digalakkan.

TARIKH & MASA PENDAFTARAN	TEMPAT
Rabu 28 Oktober 2026 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.00 petang hingga 3.00 petang	Mc Donald's Lambak
Khamis 29 Oktober 2026 10.00 pagi hingga 3.00 petang	Pusat Beli Belah Mid Valley di Jalan Masjid Salambigar Anjuran Arno Zoey Wonderland
Sabtu 31 Oktober 2026 10.00 pagi hingga 3.00 petang	Lexus Showroom, Gadong

PELITA BRUNEI

4 PESERTA NEGARA SERTAI MTQBB DI KUCHING

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BERAKAS, Isnin, 26 Oktober. - Empat peserta negara berlepas meninggalkan Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi menyertai Majlis Tilawah Al-Quran Bandaraya Se-Borneo (MTQBB) Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang akan diadakan pada 26 hingga 29 Oktober 2026 di Kuching, Sarawak, Malaysia.

Dua peserta akan menyertai Kategori Tilawah iaitu Awang Haji Hazwan bin Haji Salim dan Dayang Nurhaneyah binti Nordin. Sementara itu, dua peserta lagi akan menyertai Kategori Hafazan iaitu menghafaz juzuk 1 hingga 15.

Mereka ialah Awang Abdul Hadi Muaiyyad bin Haji Azrol, pelajar Tahun 1, Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) dan Dayang Atiqah Munirah binti Haji Muamat, pelajar Tahun 2, Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat, ITQSHHB.

Awang Abdul Hadi Muaiyyad bin Haji Azrol pernah menyertai Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1447H / 2025M dalam Kategori 'D' (1 hingga 15 juzuk).

Sementara itu, Dayang Atiqah Munirah binti Haji Muamat pernah memperoleh tempat ketiga dalam Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447H / 2025M bagi Kategori 'C' (1 hingga 4 juzuk).

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat berlepas kepada rombongan tersebut ialah Ketua Bahagian Kemajuan Syi'ar Islam, Awang Haji Aziman bin Haji Azman; Pengetua ITQSHHB, Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit; dan Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil.

Rombongan tersebut turut disertai oleh Awang Haji Zunaidi bin Haji Abdul Rahman selaku Pengurus Rombongan; Awang Muhammad Adlan Aziz bin Haji Yussop selaku Jurulatih Hafazan; Dayang Siti Huzaimah Yadey binti Haji Rosli selaku Jurulatih Tilawah dan Dayang Hajah Nor Ismah Fatin Faridah binti Haji Rosbna selaku Pegawai Pengiring Qariah.



KETUA Bahagian Kemajuan Syi'ar Islam, Pengetua ITQSHHB, dan Pemangku Pengarah Pengajian Islam hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat berlepas kepada rombongan yang menyertai Majlis Tilawah Al-Quran Bandaraya Se-Borneo Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi di Kuching, Sarawak, Malaysia.

BBCSG anjur Hari Memperkasa Pejuang Pesakit Kanser



PRESIDEN Kumpulan Sokongan Kanser Payudara Brunei (Brunei Breast Cancer Support Group - BBCSG), Timbalan Presiden BBCSG dan Setiausaha Agung BBCSG hadir pada program tersebut yang telah diadakan di The Daun, Kiulap.

Oleh : Nurdiyanah Rajami
Foto : Ihsan Kumpulan Sokongan Kanser Payudara Brunei

KIULAP, Isnin, 26 Oktober. - Dengan matlamat murni bagi terus membantu para pesakit dan *survivor* kanser memperkasa diri dalam mendepani kehidupan masa kini dan masa hadapan yang baik sekali gus mengeratkan silaturahim serta bertukar-tukar fikiran dan pengalaman bersama, Kumpulan Sokongan Kanser Payudara Brunei (Brunei Breast Cancer Support Group - BBCSG) telah berjaya menganjurkan Program Hari Memperkasa Pejuang Pesakit Kanser bertempat di The Daun, Kiulap, hari ini.

Program yang merupakan salah satu acara bersempena Bulan Kesedaran Kanser Payudara itu antaranya turut bertujuan sebagai salah satu cara untuk mengingatkan kepada para pesakit dan *survivor* kanser untuk terus menjaga kesihatan mereka, baik melalui pengambilan pemakanan dan persekitaran yang kondusif.

Antara yang hadir sepanjang program berlangsung ialah Presiden BBCSG, Dayang Hajah Aminah binti Haji Momin; Timbalan Presiden BBCSG, Dayang Hajah Linda Aini binti Abdullah dan Setiausaha Agung BBCSG, Datin Ratu Hajah Dayang Jaliha binti PHH Momin.

Juga hadir, Bendahari BBCSG, Profesor Madya Dr. Hajah Masrinawati binti Haji Abdul Hamid; Timbalan Bendahari BBCSG, Dayang Hajah Jainah binti Haji Musa; Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir BBCSG, golongan *survivor* kanser serta para jemputan khas.

Sehubungan itu, Dayang Hajah Aminah dalam ucapan alu-aluan antaranya merakamkan kesyukuran dengan adanya detik perhimpunan di program sedemikian yang merupakan kali ke-5 diadakan sejak tahun 2017 di mana matlamat penubuhan BBCSG ini adalah untuk memberi sokongan dari segi tekanan emosi, kaunseling, memberi maklumat yang betul serta membantu para pesakit mencapai tahap pemulihan yang maksimal dari segi fizikal, psikologi dan kosmetikal.

Di samping itu, jelasnya lagi, BBCSG juga memberi sokongan kepada wanita-wanita yang pernah mengalami kanser payudara untuk mengongsikan pengalaman mereka kepada pesakit-pesakit kanser payudara yang lain terutama dalam mengatasi ketakutan, kecemasan, tekanan yang mereka hadapi sehari-hari. Dengan matlamat ini, mereka daripada Ahli Jawatankuasa BBCSG mengadakan program tersebut.

Dalam pada itu, Dayang Hajah Aminah turut mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada DKSH Brunei iaitu syarikat penyedia perkhidmatan pergudangan dan pengedaran terkemuka bagi produk farmaseutikal dan peranti perubatan, yang baru-baru ini telah menghulurkan sumbangan untuk BBCSG melaksanakan dan menjayakan program pada hari ini.

Selain itu, Presiden BBCSG juga menaruh harapan agar dengan adanya program seperti ini akan dapat memberi kesedaran kepada setiap keluarga dan masyarakat di negara ini tentang mustahaknya mengambil peranan dan memahami situasi sekarang bahawa kanser payudara merupakan kanser paling kerap berlaku dan menjadi punca utama kematian dalam kalangan wanita di Malaysia dan mungkin juga di negara kita.

Program berkenaan telah diserikan dengan perkongsian cerita pejuang kanser, persembahan tausyeh, bacaan puisi dan juga menambang syair serta menikmati makan tengah hari bersama.

Di samping itu, program sebegini juga dihasrat untuk menjalin hubungan kekeluargaan dan masyarakat dengan penuh mesra dan harmoni melalui kegiatan-kegiatan sihat untuk menghibur mereka seperti bertausyeh, bercerita, aktiviti-aktiviti fizikal dan beriadah yang boleh menceriakan hidup mereka.



PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP² HARI RABU

TAHUN 11 BILANGAN 43 RABU 26 Oktober, 1966. 1386 رابو 11 رجب PERCHUMA

MAJLIS SANTAP BERSARAPAN ANJORAN PENGHULU2 DAN KETUA2 KAMPONG

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah berchemar Duli ka-Majlis Santap Bersarapan di-Dewan Madrasah, Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei pada malam 20 Oktober, 1966

Majlis Santap Bersarapan itu di-adakan di-bawah anjoran Penghulu2 dan Ketua2 Kampong di-Daerah Brunei dan Muara sa-bagai menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Sa-lepas di-adakan Santap Bersarapan itu, Awang Johari bin Abdul Razak, Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, selaku Setia Usaha majlis itu, telah membacha Uchapan caripada Pengerusi Majlis itu Yang Berhormat Awang Haji Halus bin Abdul Samad.

Kemudian Penghulu2 dan Ketua2 Kampong di-Daerah Brunei dan Muara telah menyembahkan Chenderamata kabawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Sa-baik sahaja selesai achara tersebut majlis itu telah menjunjong Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan untok memberi Titah Uchapan.

Majlis itu di-akhiri dengan Bachaan Do'a Selamat oleh Pemangku Kadhi Besar Negeri Brunei, Yang Mulia Awang Haji Md. Zain bin Haji Seruddin.



D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin kelihatan dalam gambar ini pada masa Baginda berchemar Duli ka-Majlis Santap Bersarapan Sambutan Hari Keputeraan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan anjoran Penghulu2 dan Ketua2 Kampong di-Daerah Brunei dan Muara di-Dewan Madrasah, Bandar Brunei pada malam 20 Oktober, 1966.



Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Johari bin Abdul Razak, selaku Setia Usaha Majlis Santap Bersarapan anjoran Penghulu2 dan Ketua2 Kampong di-Daerah Brunei dan Muara bagi menyambut Hari Keputeraan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan kelihatan sedang beruchap di-majlis tersebut di-Dewan Madrasah, Bandar Brunei pada malam Juma'at yang lalu.

Syabas, tahniah graduan Politeknik Brunei

Rencana dan Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

KEJAYAAN menamatkan pengajian di Politeknik Brunei menjadi titik permulaan bagi para graduan untuk melangkah ke fasa baharu kehidupan. Berbekalkan ilmu, kemahiran dan pengalaman yang diperoleh sepanjang pengajian, mereka bersedia menghadapi cabaran alam pekerjaan serta merealisasikan cita-cita masing-masing. Di sebalik kejayaan tersebut, sokongan keluarga, bimbingan para pendidik dan ketabahan diri menjadi sumber kekuatan dalam perjalanan mereka. Para graduan turut berkongsi pengalaman, harapan dan pesanan kepada para pelajar lain agar terus berusaha, memanfaatkan peluang yang ada dan tidak mudah berputus asa dalam mengejar kejayaan.

Dayang Nur'ainaa Syazana binti Rosli, Level 5 Diploma in Civil Engineering, School of Science and Engineering, Politeknik Brunei



"Alhamdulillah, dengan penuh rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, saya bersyukur kerana dengan izin-Nya, saya berjaya menamatkan pengajian Diploma Tahap 5 dalam bidang Kejuruteraan Awam. Perjalanan ini penuh dengan cabaran yang mengajar saya erti kesabaran dan ketabahan. Saya belajar untuk bangkit daripada kegagalan, terus berusaha dan tidak mudah berputus asa. Setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan kepada mama, babah, keluarga dan rakan-rakan yang sentiasa memberikan doa serta sokongan sepanjang perjalanan pengajian saya. Selepas bergelar graduan, cabaran seterusnya adalah untuk menyesuaikan diri dengan alam pekerjaan serta mengaplikasikan ilmu yang dipelajari dan pengalaman latihan industri dalam situasi sebenar. Buat para pelajar yang bakal menamatkan pengajian, jangan mudah berputus asa kerana setiap cabaran merupakan peluang untuk belajar dan memperbaiki diri. Impian saya adalah untuk terus menimba pengalaman dalam bidang kejuruteraan awam, mencapai cita-cita, membanggakan mama dan babah serta memberikan manfaat kepada masyarakat".

Awang Safarin Adam bin Sohan Safari, Level 5 Diploma in Health Sciences (Paramedic), School of Health Sciences, Politeknik Brunei



"Bersyukur saya ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya, saya berjaya menamatkan pengajian Diploma Tahap 5 dalam bidang Paramedik. Cabaran terbesar sepanjang pengajian ialah membahagikan masa antara pelajaran, tugasan dan tanggungjawab lain. Saya mengatasinya dengan mengurus masa dengan baik, mengekalkan disiplin diri dan tidak mudah berputus asa. Individu yang paling banyak memberikan sokongan dan inspirasi ialah mama dan ayah saya serta rakan-rakan dan sahabat baik yang sentiasa memberikan dorongan sepanjang perjalanan pengajian. Selepas bergelar graduan, cabaran terbesar ialah menyesuaikan diri dengan alam pekerjaan yang memerlukan ilmu, kemahiran komunikasi dan keupayaan membuat keputusan. Saya berusaha mengaplikasikan ilmu yang dipelajari dengan mengamalkan sikap profesional, bekerjasama dengan orang lain dan berani menghadapi cabaran baharu. Pesanan saya kepada para pelajar ialah manfaatkan masa sepanjang pengajian dengan sebaik-baiknya, jangan takut melakukan kesilapan dan sentiasalah berusaha untuk memperbaiki diri. Impian saya pada masa hadapan ialah membina kerjaya yang berjaya, terus menimba ilmu dan memberikan sumbangan positif kepada masyarakat serta keluarga".

Awang Muhammad Yamin bin Kassim, Level 5 Diploma in Architecture, School of Science and Engineering, Politeknik Brunei



"Dengan rasasyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan rahmat-Nya, saya berjaya menamatkan pengajian diploma dalam bidang Seni Bina. Terima kasih diucapkan kepada keluarga yang sentiasa mendoakan, memberi sokongan dan mempercayai kemampuan saya. Terima kasih juga kepada rakan-rakan dan guru-guru atas segala bimbingan, kepercayaan dan sokongan yang diberikan sepanjang tempoh pengajian. Kepada para pelajar yang masih menuntut ilmu, gunakanlah masa yang ada untuk membina potensi diri dan bukan sekadar mengejar kejayaan akademik. Ilmu yang dipelajari, pengalaman yang ditimba dan sikap yang dibentuk pada hari ini akan menjadi bekalan untuk menghadapi cabaran pada masa hadapan. Jangan tunggu sehingga bergelar graduan untuk membuat persediaan menghadapi alam pekerjaan. Teruslah berusaha, jangan mudah berputus asa dan ingatlah bahawa setiap orang mempunyai perjalanan kejayaan yang berbeza. Impian saya adalah untuk menjadi seorang arkitek yang berjaya pada masa hadapan. Saya ingin memanfaatkan menggunakan ilmu dan kemahiran yang dipelajari untuk menghasilkan reka bentuk bangunan yang kreatif, selamat dan bermanfaat kepada masyarakat. Saya sedar bahawa perjalanan untuk mencapai impian ini bukanlah mudah kerana bidang seni bina memerlukan kesabaran, usaha, kreativiti dan komitmen yang tinggi".

Awangku Mohamad Danish Akmal Ridhwan @ Awangku Mohamad Aidil Shazwan bin Pengiran Mohamad Bahrul Shamsul, Level 5 Diploma in Web Technology, School of Information & Communication Technology, Politeknik Brunei

"Saya bersyukur kerana berjaya menamatkan pengajian dan memperoleh diploma daripada Politeknik Brunei! Cabaran terbesar sepanjang pengajian ialah memikul tanggungjawab sebagai senator sekolah sambil menyiapkan tugasan yang diberikan. Saya mengatasinya dengan mengurus masa secara teratur dan menyediakan jadual bagi memastikan semua tanggungjawab dapat dilaksanakan dengan baik. Individu yang paling menginspirasi saya ialah Afiq Aiman, seorang senator sekolah yang mendorong saya untuk turut memegang peranan tersebut. Selepas bergelar graduan, cabaran seterusnya ialah menyesuaikan diri dengan alam pekerjaan. Melalui pengalaman latihan industri dan pekerjaan, saya belajar untuk berkomunikasi secara profesional, menghormati orang lain dan mengurus tanggungjawab dengan baik. Pesanan saya kepada para pelajar ialah manfaatkanlah masa sepanjang pengajian dengan sebaik-baiknya dan jangan takut mencuba perkara baharu kerana pengalaman tersebut mungkin menjadi kenangan yang bermakna. Pada masa hadapan, saya berharap dapat terus memperbaiki diri, menimba pengalaman dan mencapai cita-cita yang diimpikan".

Dayang Nurbatrisyia binti Roslee, Level 5 Diploma in Web Development, School of Information & Communication Technology, Politeknik Brunei



"Berjaya menamatkan pengajian di Politeknik Brunei merupakan suatu yang saya syukuri. Sepanjang tempoh pengajian, antara cabaran terbesar yang saya hadapi ialah membahagikan masa antara pembelajaran, tugasan dan kegiatan kokurikulum. Cabaran tersebut mengajar saya untuk lebih berdisiplin dalam mengurus masa dan menetapkan keutamaan. Keluarga merupakan sumber sokongan utama saya, di samping dorongan daripada para pendidik dan rakan seperjuangan yang sentiasa memberikan semangat. Selepas menamatkan pengajian, saya berusaha untuk menyesuaikan diri dengan cabaran baharu serta mengaplikasikan ilmu dan pengalaman yang diperoleh sepanjang pengajian dalam kehidupan seharian. Kepada para pelajar yang masih menuntut ilmu, manfaatkanlah setiap peluang yang ada dan jangan takut untuk mencuba perkara baharu. Saya percaya bahawa kejayaan bukan hanya diukur melalui pencapaian akademik, tetapi juga melalui usaha berterusan untuk memperbaiki diri. Saya berharap agar saya dapat terus menimba ilmu dan memberikan sumbangan yang bermanfaat kepada masyarakat dan negara".

Dayang Syaza Adriana Danela binti Moza-Syamsulbahrie, Level 5 Diploma in Health Science (Midwifery), School of Health Sciences, Politeknik Brunei



"Syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas kejayaan menamatkan pengajian diploma ini. Cabaran terbesar yang saya hadapi sepanjang pengajian ialah mengimbangi tanggungjawab sebagai anak sulung sambil berusaha untuk memberikan yang terbaik di dalam pelajaran. Saya mengatasinya dengan mendapatkan nasihat dan dorongan daripada orang terdekat. Ahli keluarga, guru-guru dan rakan-rakan yang sama-sama melalui perjalanan dalam bidang ini banyak memberikan sokongan dan semangat kepada saya. Selepas bergelar graduan, cabaran terbesar saya ialah belajar untuk berdikari tanpa terlalu bergantung pada panduan orang lain. Selain itu, saya juga perlu menghadapi tekanan untuk memenuhi harapan orang sekeliling yang melihat saya sebagai seseorang yang boleh diharapkan. Saya berusaha mengaplikasikan ilmu yang dipelajari dengan sentiasa membuat refleksi, walaupun terhadap perkara kecil, dari semasa ke semasa. Pesanan saya kepada para pelajar yang lain ialah jangan mudah menyerah kerana kejayaan memerlukan usaha, kesungguhan dan keazaman diri. Akhir sekali, impian saya adalah untuk menjadi seorang anggota kesihatan yang berdisiplin, serta menjadi anak yang sentiasa berbakti kepada kedua-dua ibu bapa hingga akhir hayat mereka".

OPERASI BERSIH : 3 SYARIKAT KENA KOMPAUN

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Brunei dan Muara

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 Oktober. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara melalui Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan telah melaksanakan Operasi Bersih dengan kerjasama agensi penguatkuasaan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Kastam Eksais Diraja dan Jabatan Tenaga Manusia dan Pekerjaan.

Operasi ini menyasarkan sebuah rumah pekerja asing di Kampung Mentiri. Hasil pemeriksaan mendapati terdapat beberapa longgokan sampah yang dibuang secara tidak teratur di kawasan berhampiran kediaman berkenaan.

Perbuatan sedemikian merupakan satu pelanggaran undang-undang yang serius, selain berpotensi mencemarkan alam sekitar serta menjejaskan tahap kesihatan dan ketenteraman kejiranan kampong.

Pihak Jabatan Daerah Brunei dan Muara telah mengambil tindakan mengeluarkan tawaran kompaun serta memberi amaran kepada pihak terbabit agar tidak mengulangi perbuatan tersebut.

Operasi sebegini akan diteruskan dari semasa ke semasa bagi memastikan kebersihan dan keselamatan persekitaran sentiasa terpelihara.

Syarikat-syarikat tersebut ialah Barman Sdn. Bhd. dikenakan kompaun BND1,000 atas kesalahan di bawah Bab 12 (1) (a) manakala Dolakanan Sdn. Bhd. dikenakan kompaun BND2,000 atas kesalahan di bawah Bab 12 (1) (d) dan Rani Jaya B Sdn. Bhd. dikenakan kompaun BND2,000 atas kesalahan di bawah Bab 12 (1) (d).

Tawaran kompaun bagi ketiga-tiga syarikat berkenaan adalah pada 22 Oktober 2026.

Syarikat-syarikat tersebut telah diarahkan untuk menjelaskan denda kompaun dalam masa tujuh hari. Jika gagal, kes akan dibawa ke mahkamah di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian (Penggal 30) iaitu sabit kesalahan boleh membawa hukuman tidak melebihi BND30,000 bagi syarikat atau penjara tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Pihak jabatan juga ingin memohon kerjasama orang ramai untuk menyalurkan sebarang maklumat mengenai pembuangan sampah yang menyalahi undang-undang dengan menyertakan alamat lokasi berserta gambar-gambar melalui pesanan WhatsApp di talian +673 8321581.





TIGA syarikat telah dikenakan kompaun setelah hasil pemeriksaan mendapati beberapa longgokan sampah yang dibuang secara tidak teratur di kawasan berhampiran sebuah rumah pekerja asing di Kampung Mentiri (atas dan bawah).

Kenali Bahasa Brunei

baalusan bermaksud mempunyai ukuran atau saiz yang kecil-kecil dalam jumlah yang banyak.
Contoh pemakaian kata : *payah balurih bawang mirah karang ani, mun ada pun baalusan.*

baparadian / baparadian bermaksud adik-beradik atau saudara yang paling rapat.
Contoh pemakaian kata : *bukan urang lain kadikami tu kadia ah, indung kadikami baparadian.*

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Udang Galah Masak Merah Bertelur

Kampung Senukoh, Temburong

BAHAN-BAHANNYA :
1kg udang galah (dibersihkan)
1 biji bawang Holland (dihiris)
500g cili kisar
Lada padi (dihiris)
1 biji telur
2 sudu besar sos cili
1 sudu besar sos tiram
2 keping asam keping
Garam dan gula secukupnya
Secukup rasa
BAHAN-BAHAN KISAR :
2 biji bawang Bombay
5 ulas bawang putih
3 inci halia
Sedikit air

CARA MEMASAKNYA :
Panaskan minyak dan tumis bawang Holland hingga layu. Masukkan bahan kisar (bawang Bombay, bawang putih dan halia), tumis sehingga naik bau. Kemudian, masukkan cili kisar dan masak hingga pecah minyak. Tambahkan sos cili dan sos tiram, kacau hingga sebati. Masukkan udang galah dan biarkan sehingga bertukar warna. Selepas itu, masukkan asam keping, lada padi dan sedikit air hingga udang sedikit tenggelam. Biarkan mendidih seketika. Akhir sekali, tuangkan telur yang telah dikocak perlahan-lahan sambil dikacau supaya bersalut cantik pada kuah. Perasakan dengan garam dan gula mengikut selera. Siap untuk dihidang.

PELITA BRUNEI

DEMENSIA PUNCA LEBIH 10 PERATUS KEMATIAN DI AUSTRALIA

SYDNEY, 27 Okt. - Demensia, termasuk penyakit Alzheimer, menjadi punca lebih 10 peratus kematian di Australia pada 2025 dan kekal sebagai punca utama kematian negara itu, menurut data rasmi yang dikeluarkan pada Selasa, lapor Xinhua.

Menurut Biro Perangkaan Australia (ABS), 19,019 orang meninggal dunia akibat demensia pada 2025, menyumbang 10.1 peratus daripada semua kematian yang didaftarkan, meningkat daripada 18,291 pada 2024.

Penyakit jantung iskemik kekal sebagai punca kedua utama kematian, meragut 16,228 nyawa atau 8.6 peratus daripada jumlah keseluruhan.

Kadar kematian bagi penyakit itu jatuh ke tahap paling rendah sejak rekod rasmi bermula pada 1968.

Penyakit serebrovaskular, kanser paru-paru dan penyakit pernafasan bawah kronik melengkapkan lima punca utama kematian, yang bersama-sama menyumbang 33.3 peratus daripada semua kematian yang didaftarkan.

Sejumlah 188,421 kematian didaftarkan di seluruh Australia pada 2025, meningkat 1,153 daripada tahun sebelumnya. - ©BERNAMA

Serangan siber jejas hospital di New Mexico

WASHINGTON, 27 Okt. - Puluhan hospital dan klinik di New Mexico, barat daya Amerika Syarikat (AS) terjejas akibat gangguan keselamatan siber sehingga menyebabkan ambulans terpaksa dialihkan ke hospital lain, menurut kenyataan Sistem Kesihatan Universiti New Mexico (UNM), lapor Sputnik/RIA Novosti.

"Sistem Kesihatan UNM kini berdepan masalah keselamatan siber dan pihak kami sedang giat berusaha menyelesaikan masalah terbabit.

"Ketika ini, semua ambulans dialihkan ke hospital lain, manakala semua janji temu di klinik kami pada hari ini dibatalkan," menurut kenyataan itu.

UNM turut menasihatkan orang ramai supaya menghubungi talian 911 sekiranya berlaku kecemasan dan menangguhkan rawatan bagi kes bukan kecemasan sehingga dimaklumkan kelak.

Sistem Kesihatan UNM mengendalikan lebih 30 kemudahan kesihatan dengan kira-kira 22,000 kes pembedahan dan 100,000 kunjungan ke jabatan kecemasan setiap tahun. - ©BERNAMA

Kapal persiaran berlanggar kapal kontena di pelabuhan Republik Persekutuan Jerman

BREMERHAVEN (Republik Persekutuan Jerman), 26 Okt. - Sebuah kapal persiaran berlanggar dengan kapal kontena ketika meninggalkan pelabuhan di bandar Bremerhaven, Republik Persekutuan Jerman pada Ahad, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Pengendali kapal persiaran TUI Cruises mengesahkan bahawa kapalnya, Mein Schiff 3 terbabit dalam pelanggaran itu ketika berlepas dari pelabuhan berkenaan.

Menurut syarikat itu, kapal persiaran berkenaan telah kembali ke dermaga bagi menjalani pemeriksaan untuk menilai tahap kerosakan.

"Berdasarkan maklumat terkini yang kami terima, tiada kecederaan dilaporkan. Kami akan memberikan maklumat lanjut sebaik sahaja memperoleh hasil pemeriksaan yang dapat disahkan," menurut TUI Cruises.

Polis turut memaklumkan bahawa setakat ini, pihaknya tidak menerima sebarang laporan mengenai kecederaan. - ©BERNAMA

Nepal perluas sistem amaran awal banjir

KATHMANDU, 26 Okt. - Kerajaan Nepal mengumumkan rancangan memperluas sistem amaran awal banjir di enam lembangan sungai utama dan menurunkan paras air di empat tasik glasier berisiko tinggi.

Langkah itu bertujuan memperkukuh kesiapsiagaan menghadapi bencana susulan peningkatan risiko berkaitan perubahan iklim di wilayah Himalaya, lapor Xinhua.

Menurut dokumen yang dikeluarkan Pusat Penyelidikan Hidrologi dan Sumber Air serta Jabatan Hidrologi dan Meteorologi, inisiatif itu merupakan sebahagian daripada strategi lebih menyeluruh untuk menambah baik ramalan banjir, mengurangkan risiko banjir akibat limpahan tasik glasier (GLOF) serta memodenkan sistem ramalan cuaca menggunakan teknologi canggih.

Perkara itu dimaklumkan oleh sekretariat Kementerian Tenaga, Sumber Air dan Pengairan Nepal menerusi kenyataan media pada Ahad.

Rancangan berkenaan diumumkan susulan banjir besar pada 26 Ogos yang mengorbankan kira-kira 1,500 nyawa, manakala lebih 5,000 orang masih dilaporkan hilang.

Banjir itu turut menyebabkan kerosakan fizikal bernilai US$1.81 bilion, menurut Penilaian Awal Kerosakan dan Keperluan (RDNA) yang dijalankan kerajaan Nepal.

Peningkatan suhu mempercepatkan pencairan glasier di Himalaya, sekali gus menimbulkan kebimbangan terhadap kestabilan tasik glasier, kejadian runtuhan salji serta risiko banjir besar yang boleh mengakibatkan kemusnahan di kawasan hilir.

Menerusi Projek Sanjeevani bagi Menangani Banjir Akibat Limpahan Tasik Glasier (GLOF), kerajaan merancang menurunkan paras air di empat tasik glasier berisiko tinggi iaitu Thulagi di daerah Manang, Lower Barun di daerah Sankhuwasabha serta Lumding Tsho dan Hongu-2 di daerah Solukhumbu.

Projek itu dijadual dilaksanakan dari 2026 hingga 2033 dengan anggaran peruntukan sebanyak US$49.9 juta.

Inisiatif berkenaan merupakan kesinambungan usaha terdahulu untuk mengurangkan risiko banjir di Tsho Rolpa di daerah Dolakha dan Tasik Imja di daerah Solukhumbu, yang menyaksikan paras air berjaya diturunkan bagi mengurangkan risiko GLOF.

Sementara itu, Pusat Penyelidikan Hidrologi dan Sumber Air merancang memasang sistem amaran awal banjir di enam lembangan sungai menerusi Projek Pengurusan Risiko Banjir Lembangan Sungai Keutamaan yang dilaksanakan dari 2022 hingga 2028, membabitkan pelaburan sebanyak US$7.54 juta.

Pusat itu juga akan menyediakan perkhidmatan ramalan dan amaran awal banjir sepanjang masa dari pertengahan Mei hingga pertengahan Oktober, meliputi musim monsun utama negara berkenaan.

Secara berasingan, Jabatan Hidrologi dan Meteorologi merancang memberikan keutamaan kepada penggunaan Kecerdasan Buatan (AI), pembelajaran mesin dan pengkomputeran berprestasi tinggi bagi meningkatkan ketepatan serta kebolehpercayaan ramalan cuaca. - ©BERNAMA

Malaysia, Thailand bincang kerjasama dua hala, pembangunan sempadan pada Selasa

BANGKOK, 26 Okt. - Malaysia dan Thailand akan menilai semula kerjasama dua hala serta memperkukuh pembangunan bersama di kawasan sempadan menerusi Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Malaysia-Thailand ke-16 bagi Kerjasama Dua Hala (JC) dan Mesyuarat Menteri mengenai Strategi Pembangunan Bersama bagi Kawasan Sempadan Ketujuh (JDS) di sini pada Selasa.

Kementerian Luar Thailand dalam satu kenyataan memaklumkan bahawa Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Mohamad Hasan akan mempengerusikan bersama kedua-dua mesyuarat itu bersama Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Luar Thailand Sihasak Phuangketkeow di Bangkok.

Menurut kementerian, JC merupakan mekanisme utama untuk menilai kemajuan dan menetapkan hala tuju kerjasama dua hala dalam pelbagai sektor, manakala JDS memberi tumpuan kepada usaha memajukan pembangunan bersama di kawasan sempadan kedua-dua negara.

"Mesyuarat ini merupakan kesinambungan daripada JC ke-15 dan JDS ke-6 yang diadakan di Kuala Lumpur pada 6 Ogos 2024, selain menyusuli lawatan rasmi Perdana Menteri Thailand ke Malaysia pada 9 dan 10 Julai tahun ini.

"Mesyuarat berkenaan juga akan membantu dalam persiapan sambutan ulang tahun ke-70 hubungan diplomatik antara Malaysia dan Thailand pada 2027," menurut kenyataan yang dikeluarkan pada Isnin.

Kementerian Luar Thailand memaklumkan bahawa Mohamad, yang akan mengadakan lawatan kerja ke Thailand dari 27 hingga 28 Oktober, turut dijadual mengadakan perbincangan dua hala dengan Sihasak mengenai bidang kerjasama utama dan perkembangan serantau.

"Perbincangan itu akan merangkumi pertukaran lawatan dan penganjuran aktiviti sempena ulang tahun ke-70 hubungan diplomatik, kerjasama keselamatan khususnya di wilayah sempadan selatan Thailand, pembangunan kawasan sempadan serta kerjasama pertahanan.

"Kerjasama ekonomi dan perdagangan, kesalinghubungan rentas sempadan serta kerjasama dalam kerangka ASEAN turut menjadi antara agenda perbincangan," menurut kenyataan itu.

Kedua-dua menteri luar juga dijangka bertukar-tukar pandangan mengenai perkembangan serantau, termasuk situasi di Republik Kesatuan Myanmar serta isu berkaitan Thailand dan Kemboja. - ©BERNAMA

Kebakaran kilang di Oregon, penduduk diarah berpindah

ISTANBUL, 26 Okt. - Kebakaran di sebuah kilang pemprosesan makanan laut di Oregon, Amerika Syarikat (AS), pada Ahad menyebabkan penduduk dalam lingkungan 1.6 kilometer diarah berpindah susulan kebimbangan terhadap kemungkinan kebocoran ammonia, lapor Anadolu Ajansi.

"Operasi ini dijangka mengambil masa yang panjang," kata Ketua Jabatan Bomba Newport, Rob Murphy kepada akhbar tempatan Lincoln Chronicle sambil mengesahkan bahawa pasukan kecemasan mengesan kehadiran ammonia dalam asap dari kilang Pacific Seafood.

Sebahagian bumbung bangunan berkenaan runtuh ketika operasi memadam kebakaran dijalankan oleh 40 anggota bomba dari Lincoln County yang dikerahkan ke kawasan komersial berhampiran pelabuhan susulan panggilan kecemasan pada 8.51 pagi waktu tempatan (1551 GMT), menurut Murphy.

Pihak berkuasa tempatan menyediakan pusat perlindungan kecemasan di sebuah sekolah rendah berhampiran, selain menasihatkan penduduk sekitar supaya kekal berada di dalam rumah atau memakai pelitup muka pelindung ketika berada di luar.

Tiada kecederaan dilaporkan, manakala tahap sebenar kepekatan ammonia yang mencemari kawasan berkenaan masih belum dapat dipastikan. - ©BERNAMA

LEBIH 400 PENDUDUK MERIAHKAN KAMPUNG KU CERGAS

Berita dan Foto : Ak. Mohamad Zaki Pg. Haji Kasharan



PEMANGKU Pegawai Daerah Belait, Awang Muhammad Faiq bin Haji Rani hadir selaku tetamu kehormat majlis serta menyempurnakan Majlis Pelepasan Larian dan Berjalan Kaki pada acara tersebut yang menghimpunkan lebih 400 orang (kiri dan bawah kanan).

BELAIT, Isnin, 26 Oktober. - Lebih 400 penduduk Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Lumut dan sekitarnya hari ini hadir bagi menyertai Acara Riadah Kampung Ku Cergas Edisi RPN Lumut Vol.2 yang berlangsung di Jalan Bilaran, RPN Lumut.

Acara yang dikelolakan bersama oleh Majlis Perundingan Kampung (MPK) RPN Kampung Lumut Kawasan 1, 2 dan 3, Mukim Sungai Liang dengan kerjasama Kelab Brunei Shell Recreational (BSRC) tersebut merupakan acara yang dinanti-nantikan oleh warga kampung susulan acara pertama diadakan yang mendapat sambutan yang amat menggalakkan dalam usaha ke arah warga yang sihat.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya berkesudian menyempurnakan Majlis Pelepasan Larian dan Berjalan Kaki pada acara tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Muhammad Faiq bin Haji Rani. Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat.

Acara yang diadakan pagi tadi itu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa sebelum diikuti dengan sesi pemanasan badan dan diteruskan dengan pelepasan larian dan berjalan kaki di sekitar kawasan RPN Kampung Lumut berkenaan.

Edisi Kedua ini menampilkan kelainan di mana acara Gerai Malam diadakan sehari sebelum iaitu pada 24 Oktober, dengan menawarkan pelbagai menu istimewa yang disajikan khas.

Adapun matlamat bagi penganjuran acara seumpama itu adalah bagi memberi peluang kepada peniaga-peniaga di RPN Lumut itu sendiri untuk meningkatkan penghasilan mereka serta mengeratkan silaturahim dan semangat berjiran dalam satu kampung.



VOLT RUN 2026 promosi gaya hidup aktif, sihat

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohammad Hasif Matzin



SETIAUSAHA Tetap di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman hadir selaku tetamu kehormat serta menyempurnakan pelepasan para peserta dan juga menyempurnakan penyampaian hadiah pada acara berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 Oktober. - Kira-kira 350 peserta menyertai VOLT RUN 2026 anjuran Mortar Events yang berlangsung di Taman Mahkota Jubli Emas, di ibu negara, pagi tadi.

Acara berkenaan menampilkan tiga kategori larian, iaitu kategori 2.5 kilometer (km), Kategori 5km, Kategori 10km.

Pelepasan para peserta disempurnakan oleh Setiausaha Tetap di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman selaku tetamu kehormat.

Acara diteruskan dengan penyampaian hadiah kepada pemenang Kategori 10km Lelaki, 10km Wanita Terbuka, 5km Lelaki Terbuka dan 5km Wanita Terbuka.

Bagi Kategori 10km Lelaki Terbuka, tempat pertama dimenangi oleh HA Abd. Malik Awang Hidup, diikuti Md. Zaim Matussin di tempat kedua, manakala Jimbo berada di tempat ketiga.

Sementara bagi Kategori 10km Wanita Terbuka pula, Aida Syazwana muncul tempat pertama, diikuti Liyana Z. berada di tempat kedua, manakala Qimm Chin pula memenangi tempat ketiga.

Dalam Kategori 5km Lelaki Terbuka menyaksikan Kasyful menduduki tempat pertama, diikuti Awangku Aniq berada di tempat kedua, sementara Ahmad Zawawi pula menduduki di tempat ketiga.

Manakala, Kategori 5km Wanita Terbuka pula dimenangi oleh Esabelle Sim Joo Ern menduduki tempat pertama, diikuti Rachie berada di tempat kedua, sementara Hanipah Haji Usin pula menduduki di tempat ketiga.

Para peserta juga berpeluang menyertai cabutan bertuah yang menawarkan barangan VOLT serta hadiah kasut sukan dari Dynamic Sports Brunei.

VOLT RUN 2026 diadakan bertujuan untuk menggalakkan gaya hidup aktif, selain menyediakan platform bagi masyarakat untuk berinteraksi, berkenalan dengan orang baharu dan meluangkan masa bersama melalui aktiviti yang dianjurkan.

Antara tarikan utama acara ialah Mini Social Games yang diperkenalkan khusus bagi Kategori 2.5km dalam usaha menggalakkan interaksi, kerjasama dan pembentukan hubungan baharu dalam kalangan peserta.

Menerusi beberapa petunjuk dan cabaran berkumpulan di sepanjang laluan, para peserta digalakkan untuk kekal bersama serta menyelesaikan tugasan secara berkumpulan.

Acara larian berkenaan mendapat sokongan daripada beberapa perniagaan dan organisasi tempatan termasuk RYS Entertainment, Ranoadidas, Kristal FM, ANTA, Dynamic Sports Brunei, Muscle Factory, TraPhy, Guren Cafe, RainFresh, You C1000, NEMTLife, Platinum Fitness Studio dan iMap Enterprise.

Sokongan berkenaan merangkumi pelbagai aspek penganjuran termasuk penyediaan tapak acara, promosi, baucar peserta, minuman dan jamuan ringan, aktiviti senamrobik, pengurusan masa larian serta bantuan perubatan.

Mortar Events merakamkan penghargaan kepada semua peserta, rakan kerjasama, penaja, vendor, sukarelawan dan petugas acara atas sokongan serta sumbangan dalam menjayakan penganjuran berkenaan.

Menerusi VOLT RUN 2026, Mortar Events berharap dapat meneruskan usaha dalam menyediakan peluang kepada masyarakat di seluruh negara untuk mengamalkan gaya hidup aktif, berinteraksi dan membina silaturahim melalui aktiviti sukan serta kemasyarakatan.

Memperkasa kemahiran jurulatih tempatan bimbing atlet kurang upaya intelektual

Siaran Akhbar dan Foto :
Special Olympics Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 Oktober. - Special Olympics Brunei Darussalam (SOBD) telah mengadakan Coach Essentials Workshop selama dua hari pada 24 dan 25 Oktober 2026, bertempat di Dewan Silaturahim, Pusat Belia, di ibu negara, dengan sokongan jurulatih dari Special Olympics Asia Pacific (SOAP).

Bengkel berkenaan bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran jurulatih tempatan serta memberikan mereka pemahaman dan pendekatan praktikal yang diperlukan untuk melatih dan menyokong atlet kurang upaya intelektual melalui sukan.

Sepanjang dua hari bengkel, para peserta telah mengikuti sesi pembelajaran dan aktiviti praktikal yang dirancang untuk memperkukuh pengetahuan kejurulatihan serta menggalakkan perkongsian pengalaman.

Bengkel berkenaan turut merangkumi aspek penting dalam Special Olympics, termasuk pendekatan kejurulatihan yang berpusatkan atlet dan Safe Sport, yang menekankan kepentingan mewujudkan persekitaran sukan yang selamat, saling menghormati dan menyokong semua atlet.

Penglibatan SOAP memberi peluang kepada para peserta untuk menimba ilmu daripada tenaga pengajar serantau serta memperkukuh pemahaman mereka mengenai amalan kejurulatihan yang inklusif.

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan SOBD untuk membangunkan keupayaan kejurulatihan, bengkel berkenaan merupakan satu langkah penting dalam membina rangkaian jurulatih yang lebih mantap dan berupaya menyokong atlet dalam mengembangkan kemahiran sukan, meningkatkan keyakinan diri dan mencapai potensi mereka sepenuhnya.

SOBD kekal komited dalam mempromosi sukan inklusif serta menyediakan peluang kepada individu kurang upaya intelektual untuk menyertai aktiviti sukan, mengembangkan kebolehan diri dan merasai manfaat daripada penglibatan dalam komuniti sukan yang menyokong dan inklusif.

Melalui pembangunan kejurulatihan yang berterusan serta kerjasama dengan rakan serantau, SOBD berharap dapat terus memperkukuh program-programnya dan memperluas peluang sukan



COACH Essentials Workshop anjuran Special Olympics Brunei Darussalam dengan sokongan jurulatih dari Special Olympics Asia Pacific telah diadakan selama dua hari di Dewan Silaturahim, Pusat Belia, di ibu negara, baru-baru ini.

PELITA BRUNEI

PELITA BRUNEI
SUKAN

ePaper Pelita Brunei

KONTINJEN NEGARA BERLEPAS KE DAKAR, SENEGAL



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar serta menyampaikan ucapan nasihat dan kata-kata motivasi kepada kontinjen Negara Brunei Darussalam yang berlepas bagi menyertai Sukan Belia Olimpik Ke-4 2026 di Dakar, Senegal.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 27 Oktober. - Seramai enam orang ahli kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) berlepas pagi tadi bagi menyertai Sukan Belia Olimpik Ke-4 2026 yang akan berlangsung di Dakar, Senegal pada 31 Oktober hingga 13 November 2026.

Kontinjen negara terdiri daripada dua orang atlet, dua orang jurulatih serta dua orang pegawai kontinjen termasuk Chef de Mission dan Ketua Urus Setia.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar, seterusnya menyampaikan ucapan nasihat dan kata-kata motivasi kepada kontinjen ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Turut hadir ialah Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim, serta pegawai-pegawai Jabatan Belia dan Sukan serta ahli keluarga atlet.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan nasihat serta kata-kata motivasi kepada kontinjen NBD dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Kontinjen NBD diketuai oleh Pengiran Siti Amal Jariah binti Pengiran Haji Matjinen selaku Chef de Mission.

Pada kejohanan kali ini, negara akan diwakili dalam tiga jenis sukan iaitu renang, diwakili oleh seorang atlet lelaki bagi acara 200 meter Kuak Lentang Lelaki yang akan mula bertanding pada 1 hingga 6 November 2026 bertempat di Dakar Aquatic Centre (CTO); wusyu, diwakili oleh seorang atlet wanita bagi acara Taijiquan dan Taijijian Wanita yang akan mula bertanding dari 1 hingga 3 November 2026 di Pavilion Dakar Expo Center (DEX); dan olahraga yang diwakili oleh seorang atlet lelaki bagi acara 200 meter Lelaki yang akan mula bertanding dari 8 hingga 10 November 2026 di Iba Mar Diop Stadium (CID).

Sementara itu, pasukan olahraga akan bertolak ke Dakar, Senegal pada 3 November 2026.

Penyertaan kali ini diharap akan dapat memberikan pendedahan di peringkat antarabangsa serta mempertingkatkan pencapaian para atlet muda negara di persada sukan global.

Pupuk semangat kesukanan melalui perlawanan *pickleball* persahabatan



PERLAWANAN *pickleball* persahabatan tersebut menghimpunkan seramai 32 peserta, terdiri daripada 16 wakil Bank Islam Brunei Darussalam dan Bank Baiduri, mengukuhkan hubungan profesional serta memupuk semangat setiakawan menerusi persaingan sihat dan semangat kesukanan.

Siaran Akhbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 Oktober. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan Bank Baiduri baru-baru ini mengadakan perlawanan *pickleball* persahabatan diadakan di PGGMB, Bandar Seri Begawan, sebagai platform bagi warga kerja kedua-dua institusi untuk berinteraksi, mengukuhkan hubungan profesional serta memupuk semangat setiakawan menerusi persaingan sihat dan semangat kesukanan.

Aktiviti sukan berkenaan menghimpunkan seramai 32 peserta, terdiri daripada 16 wakil setiap bank, dalam suasana persaingan mesra yang berteraskan sikap saling menghormati dan semangat kesukanan.

Selain perlawanan yang berlangsung, acara tersebut turut menjadi wadah tidak formal bagi warga kerja kedua-dua institusi untuk berinteraksi, menjalin hubungan baharu serta mengeratkan silaturahim di luar persekitaran kerja harian masing-masing.

Sebagai dua institusi kewangan yang mantap dalam menyediakan perkhidmatan di Negara Brunei Darussalam (NBD), BIBD dan Bank Baiduri mengiktiraf kepentingan mengekalkan hubungan industri yang positif serta memupuk budaya persefahaman dan saling menghormati.

Walaupun beroperasi dalam landskap perbankan yang kompetitif, penglibatan seumpama itu memperlihatkan bagaimana pengalaman bersama dapat memperkukuh jaringan profesional dan menyumbang kepada komuniti perkhidmatan kewangan yang lebih erat.

Pemilihan sukan *pickleball*, yang semakin mendapat sambutan kerana mudah disertai, inklusif dan mempunyai daya tarikan sosial, turut mencerminkan kepentingan menggalakkan gaya hidup aktif dan sihat.

Sepanjang acara berlangsung, para peserta menunjukkan semangat, kerjasama berpasukan dan semangat kesukanan yang tinggi, sekali gus mencerminkan nilai-nilai yang turut penting dalam persekitaran kerja.

Bagi BIBD, penglibatan berkenaan merupakan sebahagian daripada komitmennya yang lebih luas bank terhadap kesejahteraan warga kerja, penglibatan bermakna bersama pihak berkepentingan serta pembentukan budaya organisasi yang positif.

BIBD mengiktiraf bahawa institusi yang kukuh bukan sahaja dibina berasaskan keupayaan profesional dan kecemerlangan operasi, malah turut bergantung pada kesejahteraan warga kerja serta kualiti hubungan yang dipupuk.

Inisiatif itu juga menyerlahkan nilai komuniti perbankan yang berteraskan profesionalisme, sikap saling menghormati dan penglibatan yang membina.

Hubungan sedemikian membantu mewujudkan persekitaran industri yang positif, sekali gus membolehkan institusi kewangan terus memainkan peranan masing-masing dalam menyokong pembangunan dan daya tahan jangka panjang sektor kewangan NBD.

Perlawanan berkenaan berakhir dalam suasana positif, dengan para peserta melahirkan penghargaan atas peluang untuk berinteraksi menerusi sukan serta mengeratkan persahabatan antara kedua-dua institusi.

Menerusi penglibatan seumpama itu, BIBD kekal komited dalam menggalakkan budaya tempat kerja yang sihat dan inklusif, di samping memupuk hubungan bermakna dalam komuniti perbankan Negara Brunei Darussalam, selaras dengan komitmen lebih luas bank itu terhadap perpaduan, kerjasama dan kemajuan bersama.